**Sila jimat air** MS3



**IKEA jangka siap 5 tahun** MS19



**4 lagi taman kejiranan baru** MS 20




PERCUMA

# buletin Mutiara

BERSATU DAN SETIA




www.buletinmutiara.com

16 – 28 FEBRUARI 2014

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng


# Indeks jenayah turun 23% hasil kerjasama PDRM, KN & rakyat

Gambar : **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN -** Indeks jenayah Pulau Pinang turun 23 peratus dalam tujuh minggu tahun ini berbanding tempoh sama tahun lepas, kata Ketua Polis Negeri, Datuk Wira Abdul Rahim Hanafi di sini baru-baru ini.

Katanya, sehingga 14 Februari lalu, rekod jenayah menunjukkan penurunan sebanyak 231 kes.

“Ini merupakan hasil yang positif. Ia merupakan hasil kerjasama kami (Polis Diraja Malaysia, PDRM) dengan Kerajaan Negeri dan juga masyarakat umum,” katanya pada Majlis Pelancaran Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) Fasa Dua di Komtar di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut dirasmikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut hadir, Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail.

Mengulas lanjut, Abdul Rahim menyatakan bahawa siasatan kes gereja Katolik yang dilempar *'molotov cocktail'* dekat Jalan Farquhar, kes balingan bahan letupan di Balai Polis Bukit Tengah dan beberapa lagi masih berjalan.

“Sehingga kini, kami (PDRM) masih belum menemui sebarang petunjuk.

“Saya menyeru mereka yang mempunyai maklumat untuk tampil membantu kami (PDRM),” seru beliau.

Dalam pada itu, bahagian pulau Pulau Pinang kini dilengkapi 140 CCTV (tambahan 80 CCTV baru) di serata lokasi bertujuan membanteras kegiatan jenayah.

CCTV tersebut ditempatkan di lokasi berkecenderungan jenayah dikenalpasti PDRM dan juga di persimpangan-persimpangan jalan untuk tujuan pengawalan trafik, penguatkuasaan dan perancangan.

Pemasangan 80 CCTV baru di bawah fasa dua adalah bermula pada November 2013 dan lengkap, Januari lalu dengan kos RM5.8 juta.

Bercakap pada majlis sama, Guan Eng berkata, pemasangan 80 lagi CCTV sekitar pulau baru-baru ini adalah kerana Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 percaya bahawa langkah itu mampu mengurangkan indeks jenayah di negeri ini.

Kira-kira 284 CCTV dipasang di pulau dan Seberang Perai, sebelum ini.

Beliau memberitahu, sebanyak 75 CCTV baru disumbang MPPP, manakala, baki lima oleh pihak pemaju projek fasa kedua berkenaan iaitu Datasonic Technologies Sdn. Bhd..

"Kami merancang untuk menambah 32 lagi melalui MPPP dan 30 lagi daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada tahun ini.

"Kami berharap ini akan membantu polis memerangi jenayah juga," nyatanya.




**PENOLONG Pegawai Penguatkuasa Bahagian Unit Trafik MPPP, V. Sivakumar menunjukkan paparan rakaman CCTV di pusat kawalan trafik MPPP pada Majlis Pelancaran Sistem CCTV MPPP Fasa Dua di sini baru-baru ini.**

Difahamkan, peralatan fasa kedua projek tersebut lebih canggih, sebanyak 34 CCTV tersebut mempunyai fungsi *pan, tilt and zoom* (PTZ), manakala, 46 lain adalah dalam pemandangan tetap.

Kamera PTZ mempunyai keupayaan zum 37 kali ganda yang membolehkan nombor pendaftaran kenderaan dapat dilihat pada jarak maksima kira-kira 100 meter dari lokasi kamera pada waktu siang.

"Seiring dengan ini, setiap kamera CCTV dilengkapi dengan kemudahan *infra-red* untuk perolehan gambar yang lebih jelas pada waktu malam," jelas Guan Eng.

Tidak cukup dengan itu, tambahnya, fasa kedua projek CCTV tersebut turut dilengkapkan dengan *horn speaker* untuk pengumuman kecemasan, yang diselia dari pusat kawalan CCTV.

Terdahulu, sebanyak 36 CCTV dengan kos RM5.9 juta telahpun dipasang oleh MPPP pada tahun 2008 di pulau, di bawah fasa pertama program pencegahan jenayah negeri.

Manakala, 24 CCTV tambahan dipasang kemudian oleh KPKT di sekitar pulau pada tahun 2011.

Kesemua CCTV itu dikawal 24 jam di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri (IPK), manakala, MPPP pula membuat kawalan trafik menerusi sistem sama selama 12 jam sehari, bermula 7 pagi.

buletin Mutiara

# KN prihatin keluarga mangsa kebakaran maut

Oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



MOHD. Rashid Hasnon (tengah, berbaju kuning) ditemani Lee Khai Loon (belakang, empat dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada Mohammad Asyri Zakaria (paling kanan).

**MACHANG BUBUK** - Keluarga mangsa kebakaran maut di Cherok Tok Kun di sini memperoleh perhatian pucuk kepimpinan Kerajaan Negeri yang hadir menyampaikan sumbangan khas di sini baru-baru ini.

Selain Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, turut mengadakan lawatan adalah Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon.

Dalam pertemuan tersebut, Guan Eng dan Mohd. Rashid melahirkan rasa simpati terhadap keluarga mangsa yang turut kehilangan cahaya mata berusia dua tahun, Nurul Adryana Lateesya Mohammad Asyri dalam insiden menyayat hati itu.

"Saya berharap keluarga mangsa tabah menghadapi dugaan berat yang menimpa ini.

"Kerajaan Negeri akan membantu apa yang terdaya bagi mengurangkan beban yang dihadapi keluarga mangsa," katanya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, ADUN Machang Bubuk, Lee Khai Loon dan dua Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ho Leng Hong dan Zulkiefly Saad.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak menyampaikan sumbangan peribadi sebanyak RM500 kepada keluarga mangsa dan masing-masing RM100 kepada dua jiran mangsa yang mengalami sedikit kerosakan pada kediaman mereka.

Sebelum itu, Guan Eng yang hadir sendiri pada malam kejadian menyampaikan bantuan kilat melalui tabung bencana Kerajaan Negeri dan sumbangan peribadi berjumlah RM2,000.

Dalam pada itu, bapa mangsa, Mohammad Asyri Zakaria, 30, ketika ditemui melahirkan rasa terharu dengan keprihatinan pimpinan Kerajaan Negeri dan agensi yang tampil memberikan bantuan kepada keluarga beliau.

Dalam kejadian baru-baru ini, Allahyarham Nurul Adryana Lateesya maut dalam kejadian kebakaran tersebut.

Manakala nenek mangsa, Siti Zanyah Yaakob, 74, dan abang mangsa, Danial Mukhriz, 4, sempat menyelamatkan diri.

Pada kejadian tersebut, nenek mangsa tidak sedar Allahyarham masih berada dalam rumah sehinggakan dimaklumkan Danial Mukhriz.

Kejadian tersebut berlaku ketika ibu bapa mangsa keluar bekerja dan mangsa serta abangnya dijaga oleh nenek mereka.



KETUA Menteri menenangkan datuk mangsa, Othman Md. Hassan (tiga dari kiri) sambil diperhatikan Siti Zanyah Yaakob (kiri sekali) pada lawatan khas beliau di sini baru-baru ini.

# Usahawan makanan diseru jaga status No. 1

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



LOO Soak Cheng, Che Faridah Wahab dan Zaharin Osman menunjukkan cek diterima masing-masing pada Majlis Majlis Penyampaian Pinjaman PTSR di sini baru-baru ini.

**BAYAN BARU** - Ketua Menteri, Pulau Pinang Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menggesa para pengusaha berasaskan makanan supaya menjaga kualiti pengeluaran masing-masing ekoran pengiktirafan negeri sebagai *Top Culinary Hotspot in the World for 2014* oleh penerbit panduan pelancongan terkenal dunia, *Lonely Planet* baru-baru ini.

Pengiktirafan dilaporkan surat khabar harian British, *The Independent* tersebut menyatakan bahawa Pulau Pinang berjaya mengatasi Victoria di Australia, North West Spain, bahagian dalaman selatan di Amerika Syarikat, Lake District, United Kingdom, Puglia, Itali dan Georgia serta Oaxaca, Mexico dalam kategori berkenaan.

“Pulau Pinang baru-baru ini telah dikenal pasti sebagai salah satu jaguh makanan terkenal di dunia oleh *Lonely Planet,* oleh itu, saya menyeru para peniaga supaya dapat menjaga kualiti yang kita usahakan selain rasa yang sedap.

“Seruan tersebut adalah bertepatan dengan majlis ini yang mana kebanyakan para penerima adalah bergiat dalam bidang perniagaan berasaskan makanan,” ujarnya pada Majlis Penyampaian Pinjaman Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) di Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di sini baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, seramai 35 penerima sumbangan pinjaman diraikan.

PTSR yang diasaskan sejak tahun 2009 bertujuan menolong usahawan-usahawan kecil memperkembangkan perniagaan masing-masing.

Ekoran sambutan menggalakkan, dana pinjaman telah ditingkatkan kepada RM10,000 daripada jumlah asal, RM5,000 maksimum.

Sehingga tahun ini, seramai 1,673 orang telah dibantu melalui skim tanpa cagaran dan sebanyak RM7 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan skim berkenaan.

Bagi usahawan kerepek, Che Faridah Wahab, 41, beliau mengucapkan terima kasih kepada PDC dan Kerajaan Negeri kerana memberi peluang kepadanya.

“Saya akan gunakan pinjaman ini untuk pusingan modal perniagaan kerepek, kacang dan makanan ringan lain selain menambah stok sedia ada,’’ ujarnya yang berniaga di Kompleks Bukit Jambul di sini.

Bagi peniaga kedai telekomunikasi, Loo Soak Cheng, 30-an, yang mengetahui tentang program berkenaan menerusi rakannya menyatakan bahawa beliau berhasrat menambah stok dan aksesori di premisnya.

Nada sama turut disuarakan pengusaha spa dan pusat kecantikan, Zaharin Osman, 47, yang menyifatkan langkah Kerajaan Negeri meningkatkan amaun pinjaman dari RM5,000 kepada RM10,000 sebagai langkah positif dan memberi galakan kepada pengusaha-pengusah kecil sepertinya.

“Saya akan gunakan pinjaman ini untuk menaiktaraf spa saya di *D' Piazza Mall*, Bayan Baru dan bagi bayaran balik, saya akan bayar seminggu RM200. Ini tidak membebankan memandangkan ianya tidak mepunyai ‘bunga’ pinjaman,’’ jelas Zaharin.

# Bangun semula pangkalan TUDM, tiada makluman rasmi - KM




**PINTU masuk utama ke Pangkalan Udara Butterworth. (Sumber: Internet)**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak tahu apa-apa rentetan pengumuman sebuah syarikat yang ingin membangunankan semula tapak seluas 1,007 ekar Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Butterworth di sini baru-baru ini.

Katanya, tiada sebarang makluman rasmi mengenai perkara tersebut daripada Kementerian Pertahanan (Mindef).

"Ini adalah keputusan Kerajaan Persekutuan, walaupun pengumuman tersebut dibuat oleh syarikat TSR kepada Bursa Malaysia, kita (Kerajaan Negeri) tidak tahu apa yang berlaku.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak tahu apa-apa walaupun ia terletak di Pulau Pinang dan sebahagian daripada kawasan Parlimen saya (Parlimen Bagan)," ujarnya pada sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Menurut laporan *The Edge Financial Daily* baru-baru ini menyatakan bahawa pemaju, TSR Capital Berhad (TSR) memaklumkan kepada Bursa Malaysia, pada 5 Februari lalu bahawa pihak terbabit telahpun menerima kelulusan kerajaan melalui usahasama Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Pembinaan Bukit Timah Sdn. Bhd. (PBT) untuk membangunkan semula tapak tersebut sebagai sebahagian daripada cadangan perjanjian pertukaran tanah *(land swap)* dengan Kerajaan Persekutuan.

Menurut laporan sama, ketiga-tiga syarikat terbabit turut membangunkan sebuah pangkalan TUDM baharu bernilai RM3 bilion berdekatan bahagian pulau, Pulau Pinang.

Laporan tersebut juga menyebut bahawa TSR akan mempunyai 51 peratus kepentingan ekuiti, manakala bagi LTAT dan PBT masing-masing 30 peratus dan 19 peratus kepentingan ekuiti.

TSR juga mengumumkan bahawa Kerajaan Persekutuan akan dapat mengambil bahagian dalam pembangunan semula tanah kerajaan melalui kepentingan ekuiti LTAT.

Ketiga-tiga syarikat tersebut juga akan mereka bentuk, membina dan membiayai pembangunan dan pembinaan pangkalan udara baharu.

Kerajaan Persekutuan akan membayar syarikat-syarikat tersebut melalui pertukaran tanah pada nilai pasaran semasa hartanah termasuk tanah seluas 1,007 ekar tersebut.

Turut dinyatakan kos keseluruhan projek mencecah RM13 bilion dengan RM10 bilion adalah bagi pembangunan potensi projek bercampur bersepadu di atas tanah seluas 1,007 ekar (407.52 hektar) itu.

Guan Eng menambah, walaupun Mindef tidak memaklumkan kepada Kerajaan Negeri, namun mereka masih 'berhutang' dengan orang awam tentang pembangunan semula tanah TUDM itu.

"Kami rakyat Pulau Pinang mahu tahu lokasi pembangunan semula dan pembinaan pangkalan TUDM yang baru kerana pihak terbabit masih memerlukan kelulusan Kerajaan Negeri termasuk pelan pembangunan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai).

"Ini merupakan perkembangan pembangunan besar dan saya agak terkejut dengan keluasan dan saiz tanah yang terlibat.

Kita semua masih menunggu jawapan," ujar beliau.

Ketika ditanya sama ada Guan Eng tahu kemungkinan lokasi pangkalan tersebut, beliau menyatakan bahawa ia boleh dibangunkan sehingga ke Kepala Batas, tetapi tidak pasti sama ada TUDM memiliki mana-mana tanah di kawasan berkenaan.

"Kita (Kerajaan Negeri) berharap mereka (pangkalan TUDM) akan kekal di Pulau Pinang kerana ia mempunyai nilai sejarah, tetapi kita (Kerajaan Negeri) serahkan kepada mereka untuk memaklumkan kepada kita.

"Kita (Kerajaan Negeri) sangat 'terbuka' tentang pilihan lokasi pembangunan berkenaan,"ujar beliau yang berharap agar projek tersebut tidak akan tergendala seperti projek Penang Sentral, iaitu pembangunan sebuah hab pengangkutan awam bersepadu di kawasan Utara Semenanjung yang menelan kos sebanyak RM2 bilion.

## PBAPP sedia hadapi cuaca kering, pengguna diseru jimat air

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**



**KETUA Menteri ketika mengadakan lawatan ke Empangan Air Itam di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Daripada maklumat dibekalkan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Kerajaan Negeri Pulau Pinang memaklumkan kepada rakyat negeri ini bahawa pihak berkenaan bersedia menghadapi cuaca kering di sini.

Pengerusi PBAPP yang juga Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, setiap tahun pada awal Januari, PBAPP akan pastikan paras air empangan berada pada tahap maksimum.

“Malah, ini bukan fenomena luar biasa kerana ia adalah jangkaan dan kejadian tahunan bahawa cuaca kering berlarutan hingga April iaitu apabila musim antara monsun bermula,” ujarnya dalam satu kenyataan akhbarnya baru-baru ini di sini.

Beliau memberitahu, tahap air Empangan Air Itam adalah berada pada kapasiti 71 peratus dan mencukupi untuk tempoh 70 hari bekalan, Empangan Mengkuang (kapasiti 50.5 peratus, 84 hari) dan Empangan Teluk Bahang (kapasiti 91 peratus, 277 hari).

“Daripada tiga empangan tersebut, Empangan Air Itam mencatatkan penurunan paras air paling cepat dan PBAPP sedaya-upaya melakukan semua yang boleh bagi mengekalkan kapasiti simpanan air untuk bertahan selama 90 hari lagi dengan membawa masuk lebih banyak air dari Seberang Perai.

“Bagaimanapun, para pengguna dinasihatkan agar tidak membazir air untuk membasuh kereta, aktiviti menanam dan menyembur laman rumah.

“Sekiranya tiada hujan di kawasan tadahan dalam tempoh 30 hari, paras Empangan Air Itam akan capai kapasiti 40 peratus yang mana hanya mampu menampung kegunaan untuk tempoh 43 hari sahaja.

“Jika peringkat kritikal ini berlaku, PBAPP terpaksa mengenakan catuan air di Pulau Pinang untuk menampung keperluan harian asas pengguna,” jelas beliau.

Dalam pada itu, bagi mengelakkan pembaziran air, PBAPP telah mengenakan Pemuliharaan Surcaj Air (WCS) untuk menghukum pengguna yang membazir air.

“Pulau Pinang merekodkan penggunaan air paling tinggi dalam negara bagi tahun 2013 dengan 299 liter per orang per hari berbanding penggunaan purata negara, 215,” kata Guan Eng.

## BEST ketiga dari Kiosk Bertam

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



**KETUA Menteri sambil ditemani Farizan Darus (dua dari kanan) menyerahkan cenderamata kepada salah seorang penumpang BEST Kiosk Bertam ke Komtar pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Hasil maklum balas positif berhubung dua pengimplementasian perkhidmatan bas percuma inisiatif Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) sebelum ini, pihak berkenaan baru-baru ini memperkenalkan laluan khidmat terbaru dari Kiosk Bertam, Seberang Perai Utara (SPU) ke Komtar di sini.

Perkhidmatan tersebut adalah tambahan kepada laluan sedia ada iaitu *Bridge Express Shuttle Transit* (BEST) FTZ yang beroperasi sejak Mac 2011 di Zon Perindustrian Bayan Lepas membabitkan 17 bas sehari dengan kos RM154,800 dan BEST Komtar (Pusat membeli-belah Sunway Carnival Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah, SPT ke Komtar) membabitkan kos, RM18,000 dengan operasi dua buah bas sejak 3 Disember 2012.

Ketiga-tiga perkhidmatan tersebut diwujudkan bagi kepentingan pekerja dan kakitangan awam yang menetap di Seberang Perai. Malah, ia juga sebagai salah satu inisiatif mengurangkan kesesakan di bahagian pulau negeri ini.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, bagi menjayakan projek BEST terbaru terbabit, Kerajaan Negeri membelanjakan sebanyak RM 11,000 setiap bulan membabitkan sebuah bas.

“Ini adalah hasil permintaan menggalakkan daripada penjawat-penjawat awam di Komtar yang menggunakan dua perkhidmatan diperkenalkan sebelum ini.

“Hasil kajian rambang oleh Unit Pengurusan Lalulintas, Bahagian Kerajaan Tempatan, semua pengguna BEST amat berpuas hati dengan perkhidmatan kini dan amat berharap ianya akan diperluaskan ke kawasan-kawasan lain,” katanya ketika menyambut ketibaan bas pertama BEST Kiosk Bertam ke Komtar di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus.

Guan Eng memberitahu, antara kawasan lain yang turut menerima permintaan perkhidmatan BEST adalah Jawi, Kulim/ Penanti, Juru, Air Itam, Balik Pulau dan Bayan Lepas.

“Malah, terdapat juga permintaan agar ianya (perkhidmatan BEST) dibuka kepada golongan profesional dan pengurusan yang mana perkhidmatan kini hanyalah tertumpu kepada kumpulan sokongan,” ujar beliau.

# Lawan anasir perosak keselamatan & keharmonian negeri - KM



**STEVEN Sim Chee Keong (dua dari kanan) pada sidang media di luar perkarangan IPD SPT di sini baru-baru ini.**

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA** - Satu laporan polis dibuat baru-baru ini berhubung isu 'Cina Lontar Daging Babi Depan Masjid Bukit Mertajam' yang disebarkan di laman sosial *Facebook*.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong yang turut diheret ke dalam laman kontroversi itu merayu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan polis supaya segera mencari jalan untuk menghentikan cubaan pihak tertentu daripada terus menggugat ketenteraman awam di negara ini.

"Kalau bukan kepada saya pun, provokasi ini ditujukan kepada kaum Cina untuk membangkitkan sentimen perkauman yang jahat," ujarnya dalam kenyataan bersama-sama Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari di perkarangan luar Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seberang Perai Tengah (SPT), di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon, P. David Marshel (Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) dan Jab Samat (wakil penduduk Masjid Qaryah Tok Jun Atas) turut hadir pada sidang media tersebut.

Chee Keong pada sidang media sama turut mendedahkan kronologi insiden yang didakwa bukan isu terpencil, tetapi dipercayai didalangi penyokong sebuah pertubuhan demi menggugat keharmonian kaum di negeri ini.

"Ini (kes balingan daging babi ke dalam Masjid Tok Kun Atas) bukan kes terpencil, tapi, seperti satu suatu konspirasi untuk menjatuhkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berdasarkan beberapa kes provokasi lain yang dilakukan," tegas beliau.

Khai Loon pula dalam kenyataannya memohon rakyat terus bertenang serta tidak terpengaruh oleh siri-siri provokasi belakangan ini.

"Saya mohon rakyat untuk terus bertenang dan beri peluang kepada polis untuk menangani isu provokasi ini," katanya sambil mengharapkan respon daripada Najib.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam satu kenyataan lain mengajak seluruh rakyat melawan anasir perosak keselamatan dan keharmonian dalam negeri ini, yang baginya tidak pernah berpuas hati dengan pencapaian cemerlang Kerajaan Negeri sejak tahun 2008.

"Marilah kita bersama melawan anasir perosak yang mendalangi penodaan Masjid Tok Kun Atas di Bukit Mertajam dengan meraikan keunikan dan perbezaan kita bagi mengekalkan keharmonian sosial dan keamanan," nyata beliau kepada para wartawan semasa melawat Masjid Qaryah Tok Kun Atas di sini baru-baru ini.

## Pulih segera Ringgit Malaysia, syor KM

**PERAI** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dinasihatkan supaya segera memulihkan Ringgit Malaysia (RM), selain, mencari jalan untuk mengelak kenaikan kos sara hidup yang nyata kian membebankan rakyat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian semasa mengulas mengenai mata wang negara yang mengalami kejatuhan paling rendah dalam tempoh 15 tahun, iaitu menyusut sehingga nilai RM2.586 berbanding dolar Singapura.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri atas bidang kuasanya hanya mampu menyediakan beberapa program sumbangan emas demi mengurangkan lagi beban kos sara hidup rakyat yang berpunca oleh kenaikan harga minyak petrol serta barang keperluan asasi lain.

RM100 untuk warga emas, pelajar, ibu tunggal dan orang kurang upaya (OKU), RM200 untuk bayi baru lahir serta RM1,000 untuk waris warga emas meninggal antara program sumbangan emas yang diwujudkan Kerajaan Negeri hingga sekarang.

"Walaupun macam mana susah sekalipun, Kerajaan Negeri beri jaminan tidak akan menaikkan cukai (pintu dan tanah) serta meneruskan program sumbangan emas.

"Kita tahu harga pretrol dan barang semuanya naik, yang turun hanya RM sahaja," katanya pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy Peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Perai dekat Padang JKKK Taman Inderawasih di sini baru-baru ini.

Dua Ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), P. David Marshel dan M. Satees turut hadir pada majlis keraian anjuran bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Inderawasih berkenaan.

Pelbagai persembahan pentas serta tarian kebudayaan diadakan pada majlis tersebut.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, pihaknya berharap kelemahan pada tadbir urus Putrajaya yang nyata membebankan rakyat belakangan ini diharap dapat membuka mata semua pihak.

Terdahulu, satu laporan media yang dipetik memberitahu, ringgit jatuh sebanyak 5.5 peratus berbanding dolar Singapura.

Laporan agensi *Bloomberg* pada 30 Julai tahun lepas antaranya mendedahkan, sebanyak 33 peratus hutang Malaysia kepada pihak asing, dikatakan bernilai US$2.9 bilion mencapai tempoh matang semasa itu, hinggakan menjadi antara punca keadaan pasaran tidak menentu.

Justeru, Guan Eng memberitahu, sudah sampai masanya untuk Pakatan Rakyat (PR) sendiri mengkaji punca-punca kejatuhan RM serta mengemukakan syor kepada Putrajaya demi kepentingan rakyat, sekarang.

## Pasukan petugas khas pantau pencemaran sungai, laut

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**



**PENGARAH JPS Pulau Pinang, Kapt. (B) Ir. Anuar Yahaya turut hadir pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri baru-baru ini mengumumkan penubuhan sebuah pasukan petugas khas untuk memantau pencemaran sungai dan laut di negeri ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, pasukan petugas khas dikendalikan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan memantau kondisi laut dan sungai di Pulau Pinang.

"Mereka (pasukan petugas khas) bertanggungjawab melawat sungai dan laut terutamanya di sebelah pulau, memantau dan melaporkan sekiranya berlaku pencemaran di sungai-sungai atau punca air berkenaan.

"Ini termasuk pembuangan sampah, pembuangan sisa-sisa tidak dirawat serta pelepasan enap cemar dari saluran kumbahan ke sungai atau laut," katanya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, pasukan petugas khas tersebut turut dianggotai beberapa agensi lain antaranya, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Kerja Raya (JKR), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Jabatan Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Pertanian Negeri.

"Kita (Kerajaan Negeri) kini dalam usaha untuk membendung isu-isu pencemaran di negeri ini termasuk mengawal kualiti air di setiap sungai dan laut.

"Langkah-langkah jangka pendek seperti pemantauan yang diambil ini diharap dapat membendung pencemaran sekaligus memelihara alam sekitar kita," tegas beliau.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri turut meluluskan sejumlah peruntukan untuk menjalankan kerja-kerja pengorekan muara yang terhakis secara semulajadi dan tersekat akibat kemarau di sekitar Sungai Batu Ferringhi, Sungai Kechil, Sungai Kelian dan pesisir pantai di Masjid Terapung Tanjung Bunga di sini.

Pada 4 Februari lalu, akhbar melaporkan ujian sampel air di Sungai Batu Ferringhi oleh JAS didapati mengandungi bakteria e-coli *(escherichia coli)* sehingga menyebabkan sebahagian air laut di kawasan berkenaan bertukar menjadi hitam.

Dalam sidang media sama, Kon Yeow turut berkata, sistem intergrasi Pengurusan Lembangan Sungai Secara Bersepadu (IRBM) iaitu sebuah projek pemuliharaan sungai diuruskan JPS di Sungai Pinang menunjukkan keputusan yang memberangsangkan.

"Di bawah Program Satu Negeri Satu Sungai (1N1S), setiap negeri dikehendaki menyenaraikan satu sungai untuk dipulihkan dan Sungai Pinang pada ketika itu dalam Kelas IV, kini telah berjaya berjaya menunjukkan prestasi kualiti air yang baik.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan melihat kaedah IRBM ini untuk diaplikasi (bagi jangka panjang) di sungai-sungai bermasalah di sini," ujar Kon Yeow yang bertekad untuk meningkatkan bacaan Indeks Kualiti Air Sungai di sini.

Untuk rekod, Indeks Kualiti Air Sungai dibahagikan kepada lima kelas utama iaitu Kelas I bermakna air tersebut berada dalam keadaan semulajadi dan tidak memerlukan rawatan; Kelas II, air yang sesuai digunakan untuk rekreasi dan perlukan rawatan konvensional sebelum diminum; Kelas III, air yang memerlukan rawatan intensif; Kelas IV, air sungai yang hanya boleh digunakan untuk tujuan pengairan dan Kelas V, sungai yang sangat teruk dan tercemar hingga tidak boleh digunakan.

# Terminal Bas Weld Quay tampung 80,000 pengguna



▲TERMINAL 2 Rapid Penang yang telah 80 peratus siap.



◀LAKARAN Terminal 2 Rapid Penang di Pengkalan Weld di sini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Terminal Bas Awam Kedua (Terminal 2) syarikat bas awam, Rapid Penang Sdn. Bhd. (Rapid Penang) di Pengkalan Weld di sini yang kini giat dibangunkan dijangka siap sepenuhnya menjelang April tahun ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, kos pembinaan Terminal 2 di atas tanah Lot 461 tersebut menelan belanja RM2 juta dan telah 80 peratus siap.

“Dengan adanya Terminal 2 ini, diharap ia dapat menambahbaik perkhidmatan pengangkutan awam di Pulau Pinang.

“Keberkesanan perkhidmatan pengangkutan awam dapat memberi suatu tanggapan meyakinkan bukan sahaja daripada orang awam yang menggunakan pengangkutan awam, malah juga pelancong ke negeri ini,” ujarnya ketika mengadakan lawatan ke tapak pembinaan Terminal 2 di sini baru-baru ini.

Terminal 2 didirikan di tanah milik Perbandanan Ketua Menteri (CMI) dengan pajakan 10 tahun kepada Rapid Penang.

Turut hadir, Ketua Pegawai Sokongan Strategik Rapid Penang, Osman Amir.

Osman memberitahu, setelah siap kelak, terminal-terminal di Pengkalan Weld (Terminal 1 dan Terminal 2) keseluruhannya mampu menampung 80,000 pengguna pengangkutan awam sehari.

“Jumlah ini sejajar dengan pertambahan 70 bas Rapid Penang baru-baru dan ia (jumlah) akan bertambah mengikut keperluan semasa kelak,” jelas beliau.

Menurutnya, terminal berkenaan bakal dilengkapi kemudahan untuk orang kurang upaya (OKU), paparan monitor LCD, laluan pejalan kaki berbumbung antara Terminal 1 dan Terminal 2, hentian teksi serta tandas awam.

Dalam perkembangan sama, Osman turut menyatakan bahawa Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB) kini giat menambahbaik depoh bas di Pengkalan Weld dan beberapa hab Rapid Penang di Bukit Jambul dan Mak Mandin, Butterworth.

“Selain itu, untuk tempoh lima tahun akan datang, depoh bas Sungai Nibong akan turut ditambahbaik termasuk pembangunan depoh bas baharu di Balik Pulau,” ujar beliau.

## Air takung Masjid Terapung selesai

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**TANJUNG BUNGAH –** Kerja awalan memajukan dua terusan sepanjang 20 meter termasuk membuka tebing pasir bagi menangani masalah takungan air kotor di bawah Masjid Terapung Tanjong Bungah, di sini siap sepenuhnya dalam tempoh seperti dirancang..



**KREN sedang mengorek tebing pasir bagi dijadikan terusan air bertakung Masjid Terapung, Tanjung Bungah di sini baru-baru ini.**

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bagaimanapun berkata, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bersama-sama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) turut diberi tanggungjawab untuk membuat kajian menyeluruh supaya masalah berbangkit tersebut segera selesai demi kepentingan umat Islam setempat.

"Apa yang lebih penting adalah kajian menyeluruh akan dibuat…supaya takungan air ini boleh dibersihkan secara semula jadi, sebelum dibawa ke laut," ujarnya baru-baru ini di sini.

Terdahulu, Guan Eng bersama-sama Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tembatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) serta Zairil Khir Johari (Ahli Parlimen Bukit Bendera) mengadakan lawatan kerja di sini.

Hadir sama, dua Ahli Majlis bagi MPPPP, Mohd. Hariszuan Jaharudin dan Lee Chun Kit.

Dalam pertemuan itu, Guan Eng mengadakan perbincangan ringkas dengan Jurutera Awam Daerah JPS, Md. Khuzai Hussain dan Roslan Abu Bakar (Pengerusi Qaryah Masjid Terapung Tanjung Bungah) mengenai isu malar segar tersebut.

Hasil perbincangan itu, beliau menyatakan bahawa kerja pemajuan dilaksanakan dalam tempoh maksimum lima hari dan kos keseluruhan projek pemajuan tersebut dimaklumkan kemudian oleh pegawai berwajib dari JPS.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng menyeru supaya semua pihak tidak menyokong pihak tertentu menganjurkan aktiviti tidak bertanggungjawab walau atas alasan agama sekalipun seperti dua insiden baru-baru ini, iaitu balingan daging kinzir di sebuah masjid dekat Machang Bubuk dan balingan bom buatan sendiri di gereja dekat Jalan Farquhar dekat George Town.

"Saya merayu, marilah bersama-sama kita bersatu hati menolak apa juga rancangan pihak tertentu yang mahu menggugat ketenteraman awam di negeri ini," seru beliau.

## Pulau Pinang maju industri halal

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**



**SEBAHAGIAN jemputan termasuk pempamer pada Majlis Perasmian PIHEC 2014 di sini baru-baru ini.**

**BAYAN BARU –** Penganjuran tahun kelima *Penang International Halal Expo & Conference* (PIHEC) 2014 yang berlangsung baru-baru ini dilihat sebagai satu kejayaan bagi industri halal terutamanya buat Pulau Pinang apabila mendapat lebih 250 penyertaan pempamer dari segenap negeri hingga ke peringkat antarabangsa di sini.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim yang juga merangkap Pengerusi Halal Penang berkata, PIHEC adalah satu platform untuk usahawan halal memasar dan mempamerkan produk dan perkhidmatan halal masing-masing di bawah satu bumbung.

“Dengan lebih 250 pempamer yang terdiri daripada pelbagai syarikat tempatan dan antarabangsa, PIHEC berjaya menarik pembeli, orang ramai dan pelancong untuk datang ke Pulau Pinang saban tahun sejak penganjurannya.

“Malah, PIHEC terus melebarkan sayapnya apabila bilangan penyertaan usahawan halal antarabangsa kian bertambah tiap tahun.

“Pada tahun ini, terdapat beberapa negara besar turut menyertai kita seperti United Kingdom, Algeria, Belgium, Netherlands, Morocco, Arab Saudi dan Pakistan selain daripada negara jiran iaitu Thailand,” ucapnya pada Majlis Perasmian PIHEC 2014 di *Subterranean Penang International Convention and Exhibition* (sPICE) atau lebih dikenali sebagai PISA di sini baru-baru ini.

Hadir sama merasmikan majlis, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, barisan Exco Kerajaan Negeri dan delegasi-delegasi antarabangsa.

Selain ekspo, turut dianjurkan pertandingan masakan chef halal dan perasmian kalender 'Panduan Perjalanan Muslim, Terokai Pulau Pinang' edisi kedua.

Dalam pada itu, Guan Eng berkata, Pulau Pinang telah berkembang dan berjaya menarik pelabur dan usahawan halal.

“Pulau Pinang telah maju dalam industri halal, malah, telah wujud tapak industri halal yang pertama negara di sini.

“Kita dah berjaya menarik pelabur di taman perindustrian halal dengan modal pelaburan meningkat kepada 480 juta dan ini adalah bukti bahawa segmen industri halal berkembang pesat di sini,” ujarnya.

# Hasrat bina SMJKT pertama negara tak kesampaian - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB & NORSHAHIDA YUSOFF**



**SEBAHAGIAN pelajar yang hadir pada Majlis Penyampaian Bantuan Tunai RM100 Kepada Pelajar Kurang Mampu Parlimen Bagan di sini baru-baru ini.**

**BUTTERWORTH –** Hasrat Kerajaan Negeri untuk membina Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil (SMJKT) pertama di negara ini dekat Parlimen Bagan di sini tidak kesampaian apabila ditolak Kerajaan Pusat.

Ini adalah berdasarkan surat berbalas bertarikh 8 Januari lalu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Datuk Dr. Khair Mohamad Yusof yang menyatakan bahawa permohonan penubuhan SMJKT tidak diperuntukan oleh akta sedia ada.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bagaimanapun berharap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak masih boleh mempertimbang cadangan Kerajaan Negeri demi masa depan pelajar menengah aliran Tamil di negeri ini.

"Saya berasa kesal kerana cadangan Kerajaan Negeri untuk membina Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil telahpun ditolak oleh pihak Kementerian Pelajaran (Malaysia, KPM).

"Saya berharap Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak) yang cuba menunjukkan bahawa beliau sangat prihatin dengan isu pendidikan bolehlah membuat arahan supaya cadangan ini diluluskan di Pulau Pinang," ujarnya dalam nada kecewa di Dewan Datuk Haji Ahmad Badawi sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata demikian pada satu sidang media, selepas di Majlis Penyampaian Bantuan Tunai RM100 Kepada Pelajar Kurang Mampu Parlimen Bagan kepada 550 pelajar terpilih daripada pelbagai bangsa, dari 17 sekolah di sini.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Lim Hock Seng, Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu) dan A. Thanasekharan (ADUN Bagan Dalam).

Dalam perkembangan sama, Guan Eng turut menyambut baik langkah Najib mengumumkan peruntukan terbaru RM100 juta setahun kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) melalui pihak pengurusan sekolah serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru-Guru (PIBG).

"Sepatutnya telah lama Kerajaan Pusat menyalurkan peruntukan secara langsung, sebagaimana dilakukan Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 lagi, (seperti) RM100 tiap-tiap tahun kepada warga emas, OKU (orang kurang upaya), ibu tunggal, pelajar emas dan sebagainya," ujar beliau.

Terdahulu, Guan Eng dalam perbentangan Bajet Pulau Pinang 2014 lepas mengumumkan hasrat Kerajaan Negeri untuk menyumbang sebidang tanah berkeluasan tiga hingga lima ekar di Bagan secara percuma sekiranya Kerajaan Pusat bersetuju SMJKT pertama di kawasan Parlimen tersebut.

Surat pertama permohonan berkenaan dihantar kepada Menteri Pelajaran (kini Menteri Pelajaran dan Pengajian Tinggi), Tan Sri Muhyiddin Yassin adalah bertarikh 7 Januari 2013 disusuli kedua (20 Mac 2013), ketiga, (8 Oktober 2013).

Sebelum ini, Guan Eng yang juga ADUN Air Putih pada September 2012 menyerahkan sebidang tanah secara percuma sebagai tapak baru SJK(T) Subramaniya Barathee dekat Gelugor, sebagaimana dituntut Lembaga Pengurusan Sokolah berkenaan sejak 30 tahun lepas.

# P. Pinang bangga sumbang khidmat kesihatan negara

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang amat berbangga kerana berjaya memberi sumbangan amat besar sehingga negara sekali lagi telah dinobatkan di tangga ketiga terbaik selepas Perancis dan Uruguay sebagai salah sebuah destinasi mendapatkan perkhidmatan kesihatan terbaik dunia tahun 2014.



**DR. Afif Bahardin.**

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Afif memberitahu, sektor pelancongan kesihatan adalah antara cabang berpotensi melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara dan terhadap sektor ini.

"Pengiktirafan ini membuktikan sekali lagi bahawa Pulau Pinang adalah destinasi terbaik untuk kesihatan di rantau ini," katanya di baru-baru ini.

Kerajaan Negeri, nyata Afif, akan terus berkerjasama dengan pihak swasta dan Jabatan Kesihatan Negeri melalui *Penang Health Alliance* untuk memastikan tahap kualiti perkhidmatan berkenaan dikekalkan.

"Lebih banyak perancangan akan dilaksanakan untuk memantapkan perkhidmatan kesihatan di Pulau Pinang sejajar dengan komitmen kita (Kerajaan Negeri) dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah Bandaraya Perubatan *(Medical City)* bertaraf antarabangsa," jelas beliau.

Dalam artikel di laman sesawang *International Living* bertarikh 5 Januari lalu, Malaysia telah disenaraikan di tangga ketiga sebagai salah sebuah negara terbaik untuk bersara dan mendapatkan perkhidmatan kesihatan di dunia melalui '*The World's Best Places to Retire in 2014*' dan '*The Best Place to Retire Overseas for Affordable and Efficient Health Care*'.

Diimbas semula, Malaysia telah tersenarai sebagai destinasi terbaik persaraan dan perkhidmatan kesihatan sejak tahun 2011 dan Pulau Pinang disebut-sebut sebagai negeri paling ramai menerima kemasukan pelancong yang ingin mendapatkan perkhidmatan kesihatan di negara ini.

# Mou rancak sebaran maklumat

**TERMETERAI...** Pemeteraian perjanjian persefahaman (MoU) antara Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri bersama syarikat telekomunikasi, XOX Berhad bakal merancakkan penyaluran maklumat berhubung polisi-polisi dan program-program Kerajaan Negeri kepada rakyat di negeri ini.

Serentak itu, Kerajaan Negeri juga dijangka dapat menjimatkan kira-kira RM180,000 setahun melalui perkhidmatan penghantaran khidmat pesanan ringkas (sms) berhubung penyaluran maklumat saluran berkenaan.

Hadir menyaksikan majlis menandatangani perjanjian berkenaan adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Pengarah Urusan Kumpulan XOX Berhad, Datuk Eddie Chai.

XOX Berhad merupakan salah sebuah syarikat pembekal perkhidmatan telekomunikasi di Malaysia dengan lebih 300,000 pengguna aktif talian XOX Mobile.



**WAKIL Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri dan XOX Berhad saling bertukar-tukar memorandum sambil disaksikan Ketua Menteri dan Eddie Chai (tiga dari kanan) pada majlis menandatangani MoU kedua-dua pihak di sini baru-baru ini.**

# KN tidak akan bertolak-ansur dengan pemaju - Exco

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB & AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo tampil menyatakan komitmen Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu perumahan Centrio Avenue, Bukit Gambir membabitkan harga jualan dekat sini baru-baru ini.

Menurut beliau, Jawatankuasa Pembersihan Proses Perolehan Perumahan (SPEC) telahpun berjumpa dan berbincang dengan pemaju Centrio Avenue, Messr. Nuwata Sdn. Bhd. (Centrio Avenue) sejak Disember tahun lalu untuk mencari penyelesaian terhadap aduan diterima.

"Cuma 7.18 peratus sahaja aduan diterima daripada keseluruhan unit yang ditawarkan iaitu 780 unit.

"Kita (SPEC) mulanya menerima 100 aduan pada Disember tahun lalu dan sehingga ke hari ini, hasil pertemuan beberapa kali, kita telah berjaya menyelesaikan 25 aduan.

"Manakala, baki 56 aduan lagi akan diselesaikan dalam tempoh terdekat ini. Daripada jumlah itu (56 aduan), tiga pengadu telah menolak tawaran, manakala baki 53 pengadu lagi akan dipanggil untuk perbincangan lanjut dengan SPEC," katanya di pada sidang media di sini baru-baru ini.

Terdahulu SPEC telah memanggil pemaju Centrio Avenue untuk memberi penjelasan mengenai rungutan kira-kira 20 pembeli yang terpaksa membayar antara RM160,000 hingga RM180,000 bagi seunit rumah kos sederhana rendah walaupun harga asal jualan ialah RM72,500 seunit.

Pengubahsuaian pada rumah tersebut, tidak termasuk RM28,500 kos lot parkir dan kos pengubahsuaian antara punca pemaju menaikkan harga jualan rumah kos sederhana rendah tersebut pada kadar berbeza-beza.

Hadir sama, Ahli-ahli Jawatankuasa SPEC dan wakil pemaju Fong Ling (Pengurus Akaun), Teh Kok Eng (Pengurus Jualan) dan konsultan Koay Wei Loong.

Jagdeep memberitahu, jumlah aduan sebenar diterima setelah disemak dengan data pembeli adalah 81 aduan.

Tambahnya, Kerajaan Negeri tidak akan bertolak-ansur dengan pemaju, kerana pemaju tidak berhak menuntut bayaran lebih walaupun RM1.



JAGDEEP Singh Deo.

"Mereka (pembeli yang layak) boleh beli dengan rela hati, tetapi, tidak boleh dipaksa oleh pemaju kerana harga rumah kos sederhana rendah itu RM72,500 sahaja.

"Saya akan panggil pemaju untuk beri tunjuk sebab, mengapa mereka tidak boleh patuh dengan polisi Kerajaan Negeri ini," tegas Jagdeep.

Kata beliau, isu tersebut sepatutnya tidak berbangkit lagi kerana pemaju sebelum ini telahpun bersetuju dengan pendirian Kerajaan Negeri dalam pertemuan tertutup kedua-dua pihak pada 6 Januari dan 12 Januari lepas.

# Vistana kini hotel bertaraf lima bintang

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT JAMBUL** - Hotel Vistana Pulau Pinang yang beroperasi sejak tahun 1999 dilancarkan dengan penjenamaan baru kepada taraf lima bintang setelah YTL Corporation Berhad (YTL) melaburkan sebanyak RM20 juta untuk tujuan berkenaan di sini baru-baru ini.

Menurut Timbalan Pengarah Urusan YTL, Datuk Yeoh Seok Kian, langkah tersebut diambil bagi memenuhi permintaan pelanggan, kebanyakannya daripada Gen-Y, yang mahukan reka bentuk kontemporari dan kemudahan digital serta perkhidmatan atas talian pantas.

"Dengan mengambil kira permintaan tersebut, YTL telah mewujudkan suasana serta perkhidmatan moden yang menarik kepada pelanggan setia dan generasi baru pelancong di negeri ini.

"Tetamu hotel ini bakal menikmati pengalaman baru, tanpa ada sebarang perubahan terhadap layanan bernilai sebelum ini," ujarnya pada Majlis Pelancaran Penjenamaan Semula Hotel Vistana Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis tersebut adalah Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Law Heng Kiang (Exco Pembangunan Pelancongan), Sim Tze Tzin (Ahli Parlimen Bayan Baru) dan Datuk Abdul Rahim Isahak (Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, PDC)

Guan Eng memberitahu, langkah pihak YTL untuk menaik taraf hotel tersebut merupakan keputusan tepat berikutan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan dari segi perjalanan perniagaan dan percutian kini.

"Langkah YTL Hotel ini amat tepat pada masa dengan Tahun Melawat Malaysia 2014 dan Tahun Melawat Pulau Pinang 2015-2016.



KEADAAN dalaman Hotel Vistana Pulau Pinang yang dijenamakan semula kepada taraf lima bintang di sini baru-baru ini.

"Masa setahun yang diambil pihak YTL untuk menjenamakan semula hotel ini menunjukkan mereka proaktif dan sensitif dengan permintaan pasaran di negeri ini," ujar beliau.

Tambah Guan Eng, pada tahun 2012, Pulau Pinang menjadi negeri ketiga di Malaysia yang menerima jumlah pelancong tertinggi iaitu sebanyak 6.09 juta pelancong.

"Berdasarkan trend semasa, kita (Pulau Pinang) mensasarkan lebih 6.2 juta pelancong yang bakal melawat Pulau Pinang pada tahun ini.

"Saya amat yakin dengan trend ini, jumlah pelanggan Hotel Vistana akan terus meningkat daripada tahun-tahun yang sebelumnya dengan inisiatif penjenamaan semula ini," tambah beliau.

# Lawatan bincang kembang industri perikanan


KETUA Menteri memerhatikan peralatan tradisional yang digunakan untuk menangkap ikan sambil diperhatikan (dari kiri) Abdul Malik Abul Kassim, Dr. Stephen J. Hall, Dr. Afif Bahardin (dua dari kanan) dan Law Heng Kiang (kanan sekali) pada sesi lawatan khas ke pejabat *World Fish Centre* di sini baru-baru ini.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU MAUNG –** Kerajaan Negeri berniat mengembangkan lagi industri perikanan sedia ada bagi memenuhi kehendak pasaran tempatan, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Beliau memberitahu, langkah tersebut adalah ekoran kejayaan Kerajaan Negeri mewujudkan 300 projek sangkar ikan seluruh negeri Pulau Pinang.

Lanjutan itu, Guan Eng ditemani Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin , Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang dan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim baru-baru ini telah mengadakan lawatan ke pejabat *World Fish Centre* di Batu Maung bertujuan memajukan sektor perikanan negeri ini.

Pada lawatan selama satu jam itu, delegasi negeri telah bertemu dengan Ketua Pengarah *World Fish Centre* cawangan Pulau Pinang, Dr. Stephen J. Hall bagi membincangkan agenda berkenaan.

Bagi Hall, pihaknya amat berbesar hati untuk membantu negeri Pulau Pinang memandangkan mereka memiliki kepakaran dalam bidang perikanan.

“Kami *(World Fish Centre)* sudah banyak membantu kebanyakan negara kelas ketiga di benua Afrika dan seluruh dunia bagi mempertingkatkan industri perikanan di samping menjaga kelestarian alam sekitar dalam menerokai cabang ini,” ujar beliau.

# Rayu tindakan terhadap ‘lelaki misteri’


M. Satees (kanan) pada satu sidang media di Pusat Khidmat KADUN Perai di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PERAI –** Penasihat Pemasaran sebuah syarikat jualan kereta, Zubair Saaid, 40-an, mengadu kad pengenalan serta lesen memandunya masing-masing seakan dikeluarkan agensi berwajib kepada seorang lelaki misteri lain.

Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), M. Satees semasa membangkitkan perkara itu berkata, pihak berkuasa langsung tidak bertindak sungguhpun laporan polis telahpun dibuat pengadu sejak 12 November tahun lepas lagi.

"Pengadu dapat saman atas satu kesalahan trafik (oleh) lelaki misteri ini di Melaka. Jika kad pengenalan serta lesen memandu yang dipegang lelaki misteri ini palsu, tentu awal-awal lagi pihak berkuasa kesan.

"Kalau di bank, telah lama akaun pencuri identiti Zubair ini dibekukan, tetapi, ini tidak berlaku melalui semakan saya,” ujarnya pada sidang media di Pusat Khidmat Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy di sini baru-baru ini.

Menurut Satees, aduan Zubair itu wajar diambil perhatian Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Terdahulu, Zubair menyedari identitinya dicuri apabila menerima saman RM500 atas satu kesalahan trafik di Melaka, yang bukan dilakukannya.

Zubair dalam satu kenyataan berkata, kenderaan dipandu lelaki misteri itu didaftarkan di bawah Syarikat Valley Enterprise Sdn. Bhd., Lot 18, Jalan Makmur 2, Kawasan Perindustrian Bukit Makmur, Sungai Petani, Kedah.

Bagaimanapun, identiti sebenar lelaki misteri itu gagal dijejaki hingga kini, sungguhpun aduan polis (No. Laporan: BEDONG/003998/13) telah dibuat tahun lepas.

# Pantau harga rutin bukan dirancang - Malik


ABDUL Malik Abul Kassim (tengah) beramah-mesra dengan seorang peniaga telur di Pasar Awam Chowrasta di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Seramai 40 sukarelawan ditempatkan di sekitar kawasan ini termasuk Pasar Awam Chowrasta di sini sebagai pemerhati pengguna yang bertindak menyalurkan maklumat sekiranya terdapat kes kenaikan harga barangan secara melampau dan masalah kebersihan.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, pemantauan tersebut dilakukan bagi mengelakkan para peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga barangan sesuka hati.

“Pada masa sama, ia juga bertujuan membuat pemeriksaan kualiti dan stok termasuk memantau tanda harga pada barang jualan.

“Kalau ada apa-apa aduan, saya perlu bertindak cepat,’’ katanya ketika membuat pemantauan harga barangan di Pasar Awam Chowrasta di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Abdul Malik menyatakan bahawa lawatan beliau merupakan tugasan rutin dan bukannya dirancang sebelum ini.

Berdasarkan pemantauan dijalankan, beliau mendapati bahawa terdapat sedikit kenaikan harga barangan yang mungkin dipengaruhi oleh peningkatan harga bahan api dan elektrik.

“Bagaimanapun, para peniaga mereka masih mematuhi syarat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Malaysia (KPDNKK) dengan meletakkan tanda harga pada barangan masing-masing,’’ ujar beliau.

# Lawatan penuh bermakna, jumpa Menteri Besar Selangor

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**SHAH ALAM –** Walaupun singkat tapi penuh bermakna! merupakan ungkapan paling sesuai bagi menggambarkan perasaan delegasi Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri ketika bertemu Menteri Besar Selangor, Y.A.B. Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim pada sesi lawatan kerja tiga hari dua malam di sini baru-baru ini.

Pada pertemuan hampir sejam di pejabat Abdul Khalid, delegasi negeri diberi peluang beramah mesra dan sempat berkongsi gerak kerja ringkas mengenai skim-skim baharu dalam usaha memartabatkan rakyat Selangor.

Delegasi diketuai Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri, Rosidi Hussain berkata, peluang bertemu dengan Menteri Besar Selangor (Abdul Khalid) digunakan sebaik mungkin.

"Tan Sri (Abdul Khalid) mesra menyambut kedatangan kami.

"Malah, turut menceritakan penerimaan rakyat Selangor terhadap perubahan-perubahan yang telah dan sedang dilaksanakan Kerajaan Negeri Selangor," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Selain pegawai-pegawai Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri, turut serta adalah 10 Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Negeri Pulau Pinang.

Lawatan kerja tersebut dirancang bagi berkongsi-kongsi pengalaman dan meninjau perkembangan urus tadbir Kerajaan Negeri Selangor secara keseluruhannya terutama di 15 kawasan penyelaras DUN (Dewan Undangan Negeri) negeri berkenaan.

Selain mengadakan pertemuan dan perbincangan bersama Exco Hal Ehwal Islam, Permodenan Pertanian dan Pembangunan Desa, Sallehan Mukhyi, delegasi turut berkesempatan mendengar taklimat daripada wakil Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor, Noor Hanim Ismail yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Serdang dan Datuk Hajah Latifah Hassan (Setiausaha Kanan Exco Pendidikan).



**ABDUL Khalid Ibrahim (tengah) memberi penjelasan ringkas mengenai sejarah negeri Selangor kepada Rosidi Hussain (kanan sekali) pada sesi lawatan kerja ke Kerajaan Negeri Selangor di sini baru-baru ini.**

Malah, delegasi turut meluangkan masa di Pejabat Urusan TV Selangor (TVS) dan Selangor Kini Communication Corporation Sdn. Bhd. (Media Selangor) di Seksyen 13 di sini.

Turut tersenarai adalah lawatan ke lokasi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di daerah Kuala Langat dekat sini.

## Delegasi kongsi pengalaman & gerak kerja 3 masjid

**PUCHONG –** Peranan masjid dan surau sekitar negeri Selangor dilihat aktif terutama dalam penganjuran program-program keagamaan, kemasyarakatan dan ilmiah.

Maklum balas tersebut adalah hasil lawatan kerja delegasi Kerajaan Negeri ke Kerajaan Negeri Selangor di sini baru-baru ini.



**DELEGASI Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bergambar kenang-kenangan bersama-sama sebahagian Jawatankuasa Qariah Masjid As-Salam dekat sini baru-baru ini.**

Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Rosidi Hussain yang juga merupakan Ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) berkata, fungsi masjid dan surau sebagai tumpuan masyarakat Islam untuk mendapat ilmu dan beriadah begitu ketara di Selangor.

"Saya lihat masjid dan surau diimarahkan dengan begitu baik sekali.

"Misalnya, Masjid As-Salam di Puchong Perdana, pengisian dan pengimarahan dilaksanakan membuatkan ia terserlah sebagai mercu tanda di Puchong," ujarnya sejurus selesai solat Jumaat di sini baru-baru ini.

Rosidi yang mengetuai lawatan kerja delegasi Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Selangor baru-baru ini turut berasa kagum dengan kerjasama dan ukhuwah ditonjolkan para pentadbir masjid.

"Saya menerima banyak respon positif daripada jemaah dan masyarakat setempat yang berpusu-pusu mengunjungi masjid kerana teruja dengan aktiviti serta program-program keagamaan yang dianjurkan.

"Saya percaya ini adalah cabaran untuk Pulau Pinang dalam menggerakkan dan bangunkan kembali peranan masjid sebagai pusat komuniti masyarakat Islam," ujar beliau.

Turut serta dalam solat Jumaat tersebut Nazir Masjid As-Salam, Yasim Mohamed.

Mengulas lanjut, Rosidi berterima kasih kepada pentadbiran Masjid As-Salam yang sudi berkongsi pengalaman dan gerak kerja masjid.

"InshaaAllah, masih banyak ruang dan peluang untuk menjadikan masjid sebagai *'change agent'* dalam masyarakat," jelasnya.

Selain Masjid As-Salam, delegasi Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri turut melawat dua buah lagi masjid contoh iaitu Masjid Asy-Syarif di Meru dan Masjid al-Ubudiyah di Seksyen 19 Shah Alam.

Sebagai rekod, Masjid As-Salam yang juga dikenali sebagai Masjid Terapung ini telah merangkul Anugerah Masjid Terbaik Seluruh Negeri Selangor dan menjadi model bagi masjid-masjid lain dalam negara terutama pada segi pengisian serta gerak kerja pentadbiran.

## Negeri promosi nilai kebudayaan pelbagai etnik

**JODOH...** Hampir 5,000 pengunjung membanjiri Padang Kota Lama di sini bagi memeriahkan sambutan *Chap Goh Meh* yang juga menandakan hari ke-15 atau hari terakhir sambutan Tahun Baru Cina bagi tahun ini.

Walaupun begitu, *Chap Goh Meh* lebih dikenali sebagai Hari Kekasih bagi masyarakat berketurunan Cina yang mana si gadis akan membaling limau ke dalam laut sebagai doa mendapat pasangan hidup masing-masing.

Sebagai negeri yang kaya dengan warisan, penganjuran sambutan *Chap Goh Meh* di Pulau Pinang adalah meriah sekali oleh pelbagai lapisan masyarakat dan keturunan di sini.

Hadir memeriahkan sambutan tersebut adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng. Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Presiden *Penang Chinese Chambers of Commerce,* Tan Sri Datuk Tan Kok Ping.

Guan Eng ketika berucap menyatakan bahawa Pulau Pinang ingin menjadi peneraju serta contoh terbaik dalam mempamer dan mempromosikan nilai kebudayaan pelbagai kaum yang wujud di Malaysia.

"Keunikan dan keharmonian yang ada di Pulau Pinang menarik minat ramai pelancong asing ke sini.

"Malah, juga telah dinamakan sebagai Destinasi Pelancongan yang Perlu Dilawati pada tahun 2014 oleh akhbar *The Guardian* (United Kingdom) dan diiktiraf sebagai Destinasi Makanan Terbaik Di Dunia oleh majalah *Lonely Planet,*" ujarnya di sini baru-baru ini.



**GADIS-gadis membaling limau sebagai doa mendapat pasangan hidup masing-masing pada sambutan *Chap Goh Meh* di sini baru-baru ini.**

# Taman kejiranan manfaat penduduk

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PAYA TERUBONG –** Selepas dibiarkan selama 30 tahun, tanah seluas 3.048 hektar di Taman Beriksa, Farlim di sini dibangunkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) sebagai sebuah taman kejiranan di sini baru-baru ini.

Taman dikenali Taman Kejiranan Taman Beriksa bernilai RM649,930 tersebut mula dibina pada 21 Oktober 2013 dan siap, 20 Disember tahun sama.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow ketika merasmikan taman berkenaan menyatakan bahawa sebanyak 18 alatan senaman luar, lampu solar (8), papan tanda (4), pagar aluminium, laluan joging dan laluan basikal didirikan di taman berkenaan.

"Sebagi inisiatif tambahan bagi mengindahkan taman tersebut, dua pokok yang merupakan flora jenis terancam dari spesis *Tristania Whiteana* dan *Maingaya Malayana* turut ditanam.

"Saya ingin menyeru kepada pemaju-pemaju supaya mempertimbangkan cadangan supaya memajukan baki tanah terbiar dengan mendirikan taman rekreasi seperti ini (Taman Kejiranan Taman Beriksa) supaya ianya dapat dimanfaatkan penduduk berhampiran," ucapnya pada majlis perasmian taman tersebut di sini baru-baru ini.



CHOW KonYeow (dua dari kanan) dan Yeoh Soon Hin (kiri sekali) cuba menggunakan salah sebuah alatan senaman pada Majlis Perasmian Taman Kejiranan Taman Beriksa di sini baru-baru ini.



ORANG ramai termasuk golongan kanak-kanak berekreasi di Taman Kejiranan Taman Beriksa.

Hadir sama, Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail, Setiausaha Perbandaran MPPP, Ir. Ang Aing Thye serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin.

Taman Kejiranan Taman Beriksa merupakan taman rekreasi pertama yang diwujudkan di kawasan ini.

Tambah Kon Yeow, bagi kawasan yang mempunyai kadar kepadatan penduduk amat tinggi, amatlah wajar mempunyai taman seperti ini.

## Sumbangan gazebo di Bukit Dumbar

**JELUTONG –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyeru pertubuhan bukan kerajaan (NGO) membantu menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.



SUASANA Taman Rekreasi Bukit Dumbar.

Malah, pada masa sama, Guan Eng turut menyeru pihak terbabit bersama menjadikan negeri ini sebuah bandar pintar dan bertaraf antarabangsa.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Penyampaian Sumbangan Gazebo oleh NGO, Lions Club George Town Pulau Pinang bernilai RM50,000 di Taman Rekreasi Bukit Dumbar di sini baru-baru ini.

Sumbangan tersebut merupakan hasil sumbangan ahli-ahli pertubuhan berkenaan bagi kemudahan orang ramai berteduh ketika berekreasi di lokasi berkenaan.




RUPA bentuk gazebo di Taman Rekreasi Bukit Dumbar.

Sebelum ini, Lions Club George Town Pulau Pinang turut menyumbangkan kolam renang kepada *St. Nicholas' Home* (sekolah bagi golongan cacat penglihatan), jejantas di Sekolah St. Xaviers, gazebo di Empangan Teluk Bahang dan beberapa makmal komputer untuk sekolah-sekolah di sini.

# *OldBoy*, kebebasan dan anak Malaysia

Oleh: **FIRDAUS ZOLKIFLI, ANALIS *PENANG* INSTITUTE**

**MENUJU** ke Komtar, terpampang papan iklan tentang sebuah filem yang akan ditayangkan. Tajuknya *Oldboy*. Filem yang akan ditayangkan oleh FilmDistrict ini adalah *remake* dari filem asalnya bawah arahan Park Chan-Wook pada 2003 dengan tajuk yang sama. Cerita ini bukanlah idea asal Park Chan Wook, tetapi diambil dari sebuah *manga* karya Garon Tsuchiya dan Nobuaki Minegishi. Dengan panjang 8 volume (79 bab), *Oldboy* diekspresi dengan baik sekali. Terbit pertama pada tahun 1996 secara mingguan di majalah Futubasha dan kemudiannya dicetak untuk terjemahan ke dalam bahasa Inggeris dan dibeli oleh *Dark Horse Comics* serta diedarkan ke seluruh dunia.

*Oldboy* (versi manga) mendapat penghargaan *Eisner Award* untuk *Best U.S edition of International Material – Japan* pada tahun 2003. Bagi versi filemnya di bawah arahan Park Chan Wook, filem ini diberi 4 bintang (daripada 4 bintang) oleh Roger Ebert, tokoh kritik filem. Majalah filem, Empire juga menempatkan *Oldboy* ditempat ke 18 dari 100 filem terbaik sepanjang zaman. Ketika ditayangkan pada tahu 2003, *Oldboy* mendapat perhatian di Festival Cannes kerana meraih Grand Jury Prize. Filem ini juga meraih penghargaan dari *European Film Awards, British Independent Film Awards, Austin Film Critics Association Awards, Chicago Film Critics Association Awards, Hong Kong Film Awards, Stockholm Film Festival, Bangkok International Film Festival* dan *Asia Pacific Film Awards*.

Durasi filem sepanjang 120 minit ini dimulakan dengan adegan seorang lelaki mabuk membuat kacau di balai polis. Lelaki mabuk itu bernama Daesu, lakonan Min Sik Choi sebenarnya ketika itu dalam perjalanan membelikan hadiah harijadi untuk anaknya. Setelah meninggalkan balai polis dan menuju jalan pulang, Daesu diculik dan dikurung oleh orang yang tidak dikenali, juga tanpa diketahui alasannya mengapa dia dikurung. Tanpa mengetahui siapa dan mengapa dikurung adalah perkara yang menyakitkan, apatah lagi hukuman yang ditanggung oleh Daesu, dikurung selama 15 tahun tanpa alasan. Terpisah hubungan dengan isteri dan anak serta hubungan dengan dunia luar, Daesu hanya mengetahui perkara-perkara lain hanya melalui TV yang disediakan di tempat kurungannya. Setelah 11 tahun terkurung, Daesu seakan merasakan bilik kurungan itu adalah rumahnya walaupun masih ada cubaan untuk membebaskan dirinya. Namun, seperti yang telah dirancang, setelah 15 tahun dikurung, Daesu dilepaskan dari kurungan tanpa sebarang syarat, juga tanpa sebarang alasan mengapa dilepaskan.

Setelah dikurung selama 15 tahun tanpa alasan, dan dilepaskan juga tanpa alasan, Daesu menjadi seorang manusia keliru. Dia tidak lagi bertanyakan mengapa dia dikurung, tetapi bertanyakan mengapa dia dilepaskan. Bagi Daesu, kebebasan yang diterima adalah penjara kedua bagi dirinya. Pengalaman dikurung dalam jangka waktu yang lama menjadikan Daesu takut kepada kebebasan. Pada babak ini, Daesu dan juga penonton diajak untuk berdepan dengan sebuah tema besar dalam hidup, tentang kebebasan.

**Tentang kebebasan**

Kebebasan bukan tema baru untuk manusia. Memetik Rousseau, pemikir politik klasik, manusia dilahirkan sekali dengan kebebasan walaupun dalam waktu yang sama manusia akan terikat dan ditentukan. Begitu juga dengan ungkapan Jean Paul Satre, ahli falsafah Perancis yang menyatakan manusia itu sendiri adalah kebebasan. Bersandarkan kepada manusia adalah kebebasan, Satre mengeluarkan satu ungkapan berbunyi *"existence precedes essence"* – eksistensi melampaui esensi. Melalui ungkapan ini, Satre menyatakan kebebasan adalah kehendak manusia untuk memilih esensi berdasarkan eksistensinya. Hal ini bermaksud manusia perlu ada dahulu untuk mengungkap kehendaknya, bukan kehendaknya ditentukan awal-awal oleh kuasa dari luar. Misalnya sebuah lukisan di atas kanvas, sebelum melukis seseorang pelukis perlu mempunyai idea (dengan pilihannya) untuk mengekspresikan dirinya ke dalam bentuk sebuah karya, dalam kata lain, karya yang dihasilkan adalah imaginasi pelukis. Pelukis yang membentuk karyanya, bukan karyanya yang membentuk pelukis.



POSTER *OldBoy*, filem arahan Park Chan-wook yang mengangkat tema kebebasan manusia.

Hanya melukis, sebuah kebebasan diperlukan, kebebasan berimaginasi dan berekspresi. Maka, kebebasan bukanlah hal yang asing untuk manusia, malahan kebebasan adalah perkara yang sering bermain dalam kehidupan keseharian manusia.

Meneruskan hujah Satre, kebebasan bukanlah sesuatu yang dilepaskan tanpa tanggungjawab. Kehendak manusia untuk bebas menjadikan manusia berhadapan dengan kebarangkalian yang pelbagai dalam pilihannya. Di atas kebarangkalian yang pelbagai maka manusia menuju kepada satu perasaan cemas. Namun cemas bukanlah bermaksud takut, tetapi rasa ketidakpastian terhadap pilihan. Maka dengan rasa cemas, manusia berusaha untuk ulang fikir terhadap pilihan yang dibuat. Proses ulang fikir terhadap pilihan dan bertanggungjawab terhadap pilihan yang dibuat hari-hari adalah proses membentuk manusia. Manusia dalam fikiran Satre adalah manusia yang berproses menjadi lebih baik dari sehari ke sehari. Syarat manusia menjadi lebih baik adalah dengan kebebasan sekaligus kebebasan itu sendiri adalah proses manusia menjadi 'manusia' dengan penuh kemanusiaan.

Proses menjadi 'manusia' atas nama kebebasan ini tidak ekslusif terhadap batas kelas, batas usia, batas agama dan batas kaum, malahan ada dalam diri manusia itu sendiri. Maka tidak pelik mengapa filem *OldBoy* yang dibincangkan pada awalnya tadi mendapat tempat bagi penonton dan pengkritik filem serta diangkat sebagai antara filem terbaik sepanjang zaman di Korea Selatan. Sudah pasti kerana tema kebebasan adalah tema kita, tema semua manusia.

**Bertanyakan tentang kebebasan kita**

Mengambil semula ungkapan Satre *"existence precedes essence"* – eksistensi melampaui esensi, kita sebagai anak Malaysia pasti akan merenung kembali erti kebebasan di Malaysia. Tinggalkan dahulu akta yang jelas mengikat kebebasan seperti ISA, Akta Mesin Cetak dan AUKU, namun renung kembali apakah dasar-dasar yang digubal dan dilaksanakan benar-benar menuntut kita sebagai warganya untuk berpartisipasi dalam suasana yang lebih demokratik. Apakah dasar yang dilaksanakan bersandarkan kaum adalah ekspresi anak bangsa Malaysia terhadap negaranya dan apakah negara yang membentuk warganya atau warganya yang membentuk negara. Perspektif kaum dalam usaha merasioanal sebuah dasar adalah hal yang membelakangkan rasional itu sendiri. Apakah seorang manusia yang baru lahir boleh memilih untuk menjadi seorang warga bumiputera atau sebaliknya.

Persoalan ini yang menemukan kita dengan ungkapan Satre, *"existence precedes essence"*. Warga di Malaysia ditentukan nasibnya berbeza dengan nasib warga yang lain bersandarkan warna kulit, yang bukan merupakan pilihannya. Lebih malang lagi penentuan ini sudah dibuat sebelum seorang warga itu dilahirkan. Dalam kata lain, takdirnya telah ditentukan lebih awal sebelum seseorang itu dilahirkan. Ditentukan takdir mengikut warna kulit oleh negara ini adalah kurungan ilusi yang mmbodohkan malah tidak boleh dipersoalkan atas isu sensitif. Nampaknya, tiada bezanya nasib kita dengan Daesu dalam *OldBoy* yang dikurung tanpa diberi alasan. Namun, lebih malang dari Daesu, kita dikurung sebelum kita dilahirkan dalam kurungan yang lebih kompleks berdindingkan agama, bahasa dan kaum. Jika dinding kurungan ini tidak kita tumbangkan, kebebasan semakin jauh dan kemanusiaan akan meninggalkan kita.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| AIR PUTIH<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| PANTAI JEREJAK<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| PERAI<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| PADANG KOTA<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| BATU MAUNG<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| BAGAN JERMAL<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| BATU LANCHANG<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| SUNGAI PUYU<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| PADANG LALANG<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| DATO' KERAMAT<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| SEBERANG JAYA<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| BUKIT TAMBUN<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| AIR ITAM<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| BERAPIT<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| MACHANG BUBOK<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| TANJONG BUNGAH<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| JAWI<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| PENGKALAN KOTA<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| BAGAN DALAM<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| KEBUN BUNGA<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| SUNGAI BAKAP<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| KOMTAR<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| PAYA TERUBONG<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| PULAU TIKUS<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| PERMATANG PASIR<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| BUKIT TENGAH<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| PENANTI<br>YB Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 522 2916<br>(F) 04 - 521 2915 |
| SUNGAI PINANG<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| BATU UBAN<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| SERI DELIMA<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| DAP PENANG HQ<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| PAS PENANG HQ | (T) 04 - 575 5584 |
| PKR PENANG HQ | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| PENAGA<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| BERTAM<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| PINANG TUNGGAL<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| PERMATANG BERANGAN<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| SUNGAI DUA<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| TELOK AIR TAWAR<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| SUNGAI ACHEH<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| BAYAN LEPAS<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| PULAU BETONG<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| TELUK BAHANG<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| PENAGA<br>Ridwan Osman<br>ridwan_wan48@yahoo.com | 013-499 5068 |
| BERTAM<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| PINANG TUNGGAL<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| PERMATANG BERANGAN<br>Arshad Md. Salleh<br>arshad.salleh@yahoo.com | 019-510 2633 |
| SUNGAI DUA<br>Zahadi Mohd.<br>zahadi55@yahoo.com | 019-507 3828 |
| TELOK AIR TAWAR<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| SUNGAI ACHEH<br>Mohammad Razak | 013-597 6478 |
| BAYAN LEPAS<br>Asnah Hashim<br>asnah45@hotmail.my | 019-472 6956 |
| PULAU BETONG<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| TELUK BAHANG<br>Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>abdulhalimhussain@gmail.com | 019-480 9599 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS & AMBULANS | 999 |
| BOMBA | 994 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| PENYELAMAT | 991 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| INFORMASI PENERANGAN | 04-643 0373 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| PUSAT INFO PELANCONG | 04-261 4461 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| JABATAN BURUH | 04-262 5536 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | 019 - 409 5922 | Shukri |
| N2 | Bertam | 019 - 593 3736 | Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | 017 - 424 9371 | Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | 019 - 556 4664 | R.M. Reza |
| N5 | Sungai Dua | 013 - 595 6865 | Rosli Man |
| N6 | Telok Air Tawar | 019 - 433 7464 | Mat Zahir |
| N7 | Sungai Puyu | 012 - 480 5495 | Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | 013 - 449 0366 | Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | 016 - 473 1963 | Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | 04 - 390 5109 | Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | Kamal<br>Rosli |
| N12 | Penanti | 04 - 522 2916 | Rodzi |
| N13 | Berapit | 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | Mr.Lim<br>Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | Andrew Chin<br>Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | Chan<br>Lai |
| N16 | Perai | 04 - 399 6689 | Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | 013 - 518 8735 | Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | G.Dumany<br>Khor |
| N19 | Jawi | 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | Abdul Halim<br>Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | Norjuliana<br>Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | 012 - 679 4704 | Yaser |
| N22 | Tanjong Bungah | 016 - 465 0318 | Ranson |
| N23 | Air Putih | 04 - 829 0614 | Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | 012 - 493 3342 | Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | 017 - 478 3237<br>017 - 956 3237 | Lingam<br>Quah |
| N26 | Padang Kota | 012 - 431 7015 | Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | 012 - 401 1522 | Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | 012 - 423 3227 | Benji Ang |
| N29 | Datok Keramat | 017 - 480 7417<br>04 - 226 2464 | Varinder<br>Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | 04 - 282 6630 | Shuen |
| N31 | Batu Lancang | 04 - 282 6419 | Karuna |
| N32 | Seri Delima | 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | Anne<br>Janet |
| N34 | Paya Terubong | 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | Toon Hoon Lee<br>Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | Jalal<br>Khairul<br>Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | 04 - 646 4700 | Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | 012 - 504 4836 | Ziezullhakim |
| N38 | Bayan Lepas | 016 - 599 2918 | Saifullizan |
| N39 | Pulau Betong | 012 - 422 4935 | Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | 017 - 413 5695 | Johan |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2014

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Mohd Shaipol Ismail (DAP) | 012 - 571 2250 |
| Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chanderasekeran@mpsp.gov.my | 012 - 5619870 |
| Loh Joo Huat (DAP) jhloh@mpsp.gov.my | 012 - 422 1133 |
| Tan Chong Hee (DAP) | 019 - 411 5598 |
| Tan Chee Teong (DAP) | 012 - 401 7718 |
| Michael Tan Cheong Heng (DAP) | 012 - 487 3101 |
| P. David Marshel (DAP) | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye (DAP) | 012 - 425 2602 |
| M.Satees (DAP) | 016 - 438 4767 |
| Chong Pei Pei (DAP) | 012 - 476 7729 |
| Ong Eu Leong (PKR) | 010 - 770 0508 |
| Rezal Huzairi Md Zaki (PKR) | 017 - 409 7702 |
| Abdul Jalil Che Ros (PKR) | 013 - 489 3227 |
| Shafiqah Shobha Abdullah (PKR) | 016 - 496 1659 |
| Rajasegar a/l Govindasamy (PKR) | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim (PKR) | 018 - 576 1622 |
| Zulkiefly Saad (PKR) | 013 - 436 2848 |
| Mohd Rizal Abd Hamid (PKR) | 012 - 424 3878 |
| Ho Leng Hong (PKR) | 017 - 487 2767 |
| Omar Hassan (PAS) | 019 - 571 8031 |
| Ahmad Kaswan Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my | 019 - 408 4899 |
| Wong Chee Keet (NGO) | 012 - 451 1312 |
| Dr. Tiun Ling Ta (NGO) lttiun@mpsp.gov.my | 04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah (NGO) | 013 - 414 4822 |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPPP 2014

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPPP | 04 - 259 2020 |
| Tan Hooi Peng (DAP) | 012 - 498 6212 |
| Harvindar a/l Darshan Singh (DAP) | 012 - 428 2250 |
| Ong Ah Teong (DAP) | 012 - 410 6566 |
| Tay Leong Seng (DAP) | 019 - 321 9392 |
| Gooi Seong Kin (DAP) | 016 - 457 1271 |
| Sukumar a/l Subramaniam (DAP) | 019 - 442 2113 |
| Joseph Ng Soon Siang (DAP) | 012 - 423 9143 |
| Tan Kim Hooi (DAP) | 016 - 438 7855 |
| Lee Chun Kit (DAP) | 012 - 519 2152 |
| Mohd Hariszuan Jaharudin (DAP) | 013 - 379 6019 |
| Francis a/l Joseph (PKR) | 012 - 474 3321 |
| Muhammad Sabri Md. Osman (PKR) | 013 - 432 0207 |
| Ahmad Azrizal Tahir (PKR) | 012 - 498 4556 |
| Kumaresan a/l Arumugam (PKR) | 014 - 945 9621 |
| Tan Chiew Choon (PKR) | 019 - 470 4499 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PKR) | 019 - 470 8811 |
| Lim Boon Beng (PKR) | 012 - 564 4400 |
| Nur Zarina Zakaria (PKR) | 011 - 1578 5098 |
| Iszuree Ibrahim (PAS) | 016 - 443 3205 |
| Mhd Nasir Yahya (PAS) | 012 - 402 6739 |
| Dr. Lim Mah Hui(NGO) | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat (NGO) | 016 - 414 3428 |
| Aidi Akhbal Mohd Zainon (NGO) | 012 - 464 3004 |
| Mohd Foaz Hamid (NGO) | 016 - 422 2225 |

**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Mac - Apr. 2014



1hb - 2hb Mac
***Penang Sports Club 15th International Soccer 7'S Tournament 2014***
***9:00 pg - 5:00 petang***
*Penang Sports Club*



13hb - 15hb Mac
***Thai Water Festival (7:00 pg)***
*Wat Chayamangkalaram Thai Buddhist Temple & Dharmikarama Burmese Buddhist Temple (Lorong Burma, Pulau Tikus) Rajaphohong Buddhist Temple (Ara Kuda, B.Mertajam)*



12hb - 13hb April
***Penang World Music Festival***
***2:00 ptg - 12:00 tgh mlm***
*Quarry Park, Botanical Garden*





SALAH seorang pengunjung menunjukkan menu sajian disediakan di Hotel Vistana yang dijenamakan semula dan bertaraf lima bintang kini.




EXCO Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow (kanan sekali) meninjau keadaan Sungai Batu Feringghi yang dipercayai mengalami pencemaran.



▲ KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri mendengar penjelasan pihak berwajib berhubung masalah takungan air di Masjid Terapung, Tanjung Tokong.

TIMBALAN Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon (depan, tengah, berbaju biru) menunjukkan tanda bagus ketika ingin menyempurnakan gimik Majlis Penyerahan Laluan Basikal Oleh *Asia Green Group* Kepada MPPP. ▼










KAKITANGAN Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri menunjukkan penyertaan-penyertaan Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna penerbitan Buletin Mutiara.





PARA pelajar dan pensyarah mengekspresikan kreativiti masing-masing pada dinding graffiti yang disediakan di Taman Belia.



▲ AKSI tarian naga pada Majlis Sambutan Tahun Baru Cina SP Setia.

◄ YANG di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail memegang pasu bunga yang bakal ditanam pada Majlis Perasmian Taman Poket Jesselton.

# Suai sambil belajar - Acuan GRB

Oleh: **TAN PEK LENG, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC)**

**BENGKEL Gender & Pembangunan:** Pendekatan Alternatif pada 24 dan 25 hb Januari 2014, menandakan satu lagi peristiwa penting dalam perjalanan Bajet Responsif Gender (GRB) di Pulau Pinang kerana menyaksikan penyertaan majoriti ahli majlis dan pembuat dasar / keputusan daripada kedua-dua pihak berkuasa tempatan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Bengkel yang menghimpunkan pembuat dasar / keputusan ini adalah untuk membiasakan mereka dengan perspektif GRB dalam belanjawan serta penggunaan alat-alat GRB untuk memudahkan pembangunan mesra rakyat. Penyertaan hebat mereka mencerminkan perkembangan Projek GRB sejak penubuhannya pada bulan Januari 2012.

Yang DiPertua MPPP, YBhg Datuk Patahiyah Ismail, telah mengakui dalam rakaman video projek GRB bahawa beliau mulai melihat potensi GRB walaupun pada permulaannya beliau ragu-ragu. Yang DiPertua MPSP, Puan Maimunah Mohd Sharif, yang memiliki sifat-sifat positif terhadap GRB sejak awal pelaksanaan projek ini, menyata beliau tertarik terutamanya dengan ciri-ciri yang melibatkan perundingan pihak PBT dengan rakyat. Pendekatan ini merupakan satu pembelajaran baru bagi pihak berkuasa tempatan melakukan perkara yang agak berbeza dari apa yang lazim sebelum ini.

Amat mengembirakan apabila projek ini mendapat sokongan dari pihak pegawai atasan perbandaran. Walau bagaimanapun, pemahaman yang jitu perlu jika kita inginkan integrasi yang lebih berkesan bagi sifat-sifat responsif gender kedalam kitaran belanjawan PBT. Oleh itu, bengkel **Gender dan Pembangunan** ini telah dikendalikan supaya membantu pegawai-pegawai yang terlibat memperolehi kemahiran yang perlu serta pendekatan alternatif kepada proses penyediaan belanjawan mahupun amalan urus tadbir perbandaran.

Disepanjang bengkel ini dapat melihat penyertaan yang menggalakkan dan penglibatan yang serius oleh Ahli Majlis dan pegawai PBT didalam kumpulan perbincangan dimana masing-masing mencorak pendekatan baru dengan meletakkan gender ke dalam perancangan belanjawan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian projek / program. Tetapi masih banyak lagi perkara yang perlu dipelajari dalam lingkungan ini.







Dalam ucapan perasmian beliau, YB Tuan Chow Kon Yeow, Pengerusi Jawatankuasa Pemandu GRB dan Exco Negeri bagi Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, menegaskan bahawa Kerajaan Negeri mengambil berat tentang mengarusperdanakan gender dalam dasar dan belanjawan Pulau Pinang. Ini bermakna masih banyak lagi pembelajaran yang perlu dititik beratkan sebelum kefahaman mantap dapat menerajui GRB ke tahap yang lebih tinggi dan membolehkannya dilaksanakan dengan cara lebih efektif.

Pasukan GRB telah menyediakan beberapa program latihan lanjutan sepanjang tahun ini bagi membantu melengkapkan kemahiran yang diperlukan oleh pegawai-pegawai atasan PBT, terutamanya kemahiran *"hands-on"*. Ini termasuklah bengkel mengenai *Integrasi Gender ke dalam Proses Belanjawan* Pihak Berkuasa Tempatan yang akan dikendalikan oleh Pakar GRB Antarabangsa Dr Elisabeth Klatzer. Satu lagi bengkel, *Mengintegrasikan Gender ke dalam Belanjawan Berasaskan Outcome (Outcome Based Budgeting)* akan dikendalikan oleh Encik Koshy Thomas, Ketua Pasukan Projek Belanjawan Berasaskan Outcome dari Kementerian Kewangan Malaysia dalam masa yang terdekat.

Dalam bengkel-bengkel ini, kita akan menyentuh tentang perkara dan kemahiran asas namun penting. Mereka merupakan sebahagian daripada proses peningkatan perlaksanaan GRB mahupun proses menginstitusikan GRB di PBT.

Walau bagaimanapun, pembelajaran juga mesti diteruskan di "luar bangunan" atau dalam masyarakat di mana projek perintis GRB yang berasaskan komponen penyertaan komuniti sedang dilaksanakan. Seterusnya, diharapkan semua lapisan masyarakat di Pulau Pinang mendapat sentuhan GRB dalam hidup mereka.

Perlaksanaan GRB dalam dua tahun kebelakangan ini sememangnya merupakan satu pengalaman pembelajaran utama di pelbagai peringkat. Perjalanan ini tidak mudah kerana kami terpaksa mencari halatuju sendiri. Belum wujud prototaip GRB yang boleh kita contohi walaupun GRB telah diamalkan di beberapa negara di seluruh pelusuk dunia. Slogan "Kelompok Berlainan, Keperluan Berbeza" tetap relevan di peringkat komuniti, perbandaran, negeri atau pun kebangsaan. Di Pulau Pinang pihak kami terpaksa mencari pendekatan dan penyelesaian sendiri dengan menyesuaikan konsep, peralatan dan amalan GRB kepada keperluan khusus kami. Ini adalah kerana tidak mungkin wujud satu pendekatan yang sesuai untuk semua kedudukan. Bermakna kita perlu mengguna konsep suai sambil belajar.

Melihat sambutan yang menggalakan di bengkel tersebut, kita sebenarnya tidak jauh menyimpang dari matlamat dan halatuju.





# Peraduan Bakat Si – Cilik umum pemenang

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Peraduan Bakat Si Cilik – Mewarna anjuran Buletin Mutiara sejak 16 November tahun lalu memperoleh kira-kira 2,000 penyertaan di sini.

Daripada jumlah tersebut, penyertaan termuda adalah kanak-kanak berusia tiga tahun.

Saringan awal penyertaan telah diadakan dengan pemilihan 50 pemenang ke peringkat akhir.

Lanjutan itu, keputusan peringkat akhir diadili oleh Setiausaha Sulit kepada Ketua Menteri, Farida-Hani M. Yacob, Penolong Pengarah Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Shahril Zamani Md. Zin dan Pegawai Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP), Megat Syaiful Izzudin Megat Mokhtar.

Selain tiga hadiah utama, Johan, Naib Johan dan Ketiga, seramai 20 pemenang saguhati turut dipilih.

Semua pemenang bakal dimaklum penganjur melalui telefon.

Peraduan Bakat Si Cilik – Mewarna dianjurkan pada 16 November 2013 hingga 14 Februari 2014.

Pertandingan julung kali diadakan Buletin Mutiara tersebut menawarkan hadiah wang tunai RM200 bagi Johan, Naib Johan (RM150) dan ketiga (RM100). Sebanyak 20 hadiah saguhati turut ditawarkan.



▲(Dari kiri), MEGAT Syaiful Izzudin Megat Mokhtar, Shahril Zamani Md. Zin dan Farida-Hani M. Yacob menunjukkan lukisan tiga pemenang utama pada pemilihan di sini baru-baru ini.



PEMILIHAN saringan awal Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna di sini baru-baru ini.



◀LUKISAN-lukisan yang berjaya memasuki peringkat akhir.

## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 10970
Peminjam : ENG HAW MIN - 870914075121
2164 LORONG MAK YONG 2, TAMAN RIA JAYA
08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : ENG BUCK KIANG - 600516025313
2164 LORONG MAK YONG 2 ,
TAMAN RIA JAYA, SUNGAI PETANI
08000 KEDAH
Penjamin 2 : ENG BUCK TEE - 530911025355
262 JALAN PERSIARAN CINTA SAYANG,
KELAB CINTA SAYANG
08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 10973
Peminjam : NOOR SIREEN BINTI MOHAMED KASSIM - 851106075146
115-5-14 JALAN KEDAH 10050 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SEYED IBRAHIM BIN MOHAMED KASSIM - 730324715083
11A-2-15 TAMAN TERUBONG JAYA,
PAYA TERUBONG, AYER ITAM
11060 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MAHATHIR ALI BIN MOHAMED KASSIM - 781018715085
2B-28-12 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG
HAJJAH REHMAH 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10992
Peminjam : SUGANTHY A/P KESAVALU - 830130075258
1 LORONG CAMAR 1/1 , TAMAN CAMAR JAYA
14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : RAMESHKUMAR A/L KESAVALU - 810507075197
42 JALAN SERANDAU, TAMAN SRI PERMAI
14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : SUNMUGAM A/L KRISHNAN - 590407076027
27 JALAN TEMPUA, TAMAN MUTIARA
14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 11009
Peminjam : MUHAMMAD DHIRAR BIN AMIRUDIN - 870912355277
NO. 26 LORONG 21, TAMAN GUAR PERAHU
14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ABDUL RAHIM BIN IBRAHIM - 540217075159
803 B MK 11 SUNGAI BATU, TELUK KUMBAR,
BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABDUL MUTALIB BIN SAAD - 600905715959
NO.598 MK E, TITI TERAS
11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 11019
Peminjam : TAN LEE KUN - 870906355000
49 JALAN JAMBU MAWAR 3, TAMAN JAMBU
MAWAR 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : TAN TEE HON - 850418075589
49 JALAN JAMBU MAWAR 3, TAMAN JAMBU
MAWAR 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LIM HUAN DUN - 830901075425
20 LORONG KERJASAMA 4 ,
TAMAN KERJASAMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11032
Peminjam : LEE SYEN CHOY - 860506355133
NO.85 TAMAN SIAKAP, SEBERANG JAYA,
13700 PERAI
Penjamin 1 : LEE MOR CHUN - 560101075665
85 TAMAN SIAKAP, SEBERANG JAYA,
13700 PERAI
Penjamin 2 : TAN HOCK@LEE TAN HOCK - 510220025497
31 LENGKOK SIAKAP 1, TAMAN SIAKAP,
SEBERANG JAYA 13700 PERAI

No Akaun : 11035
Peminjam : JEGAN A/L MATIVANAN@K MATHIVANAN - 861031355205
NO.1549 MUKIM 15 KEPALA GAJAH
14120 SIMPANG EMPAT, SPS
Penjamin 1 : SHARMINI BINTI SALIM SACHITHANANTHAN - 780211076292
35 JALAN TASIK PRIMA 3/2, TAMAN TASIK
PRIMA 47100 PUCHONG, SELANGOR
Penjamin 2 : SATYASEELAN A/L VILLOWSAMY - 840726075477
NO. 14 LORONG SUKUN 9, TAMAN SUKUN
14000 BUKIIT MERTAJAM

No Akaun : 11041
Peminjam : YEOH KAH WOOI - 870615075105
106 YEOH JETTY 10300 GEORGETOWN,
PULAU PINANG
Penjamin 1 : YEOH LAY NAR - 850325075344
106 YEOH JETTY , PENGKALAN WELD
10300 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SAW SAY WOOI - 821122075341
NO.3-12-3 LINTANG MACALLUM
10300 PULAU PINANG

No Akaun : 11084
Peminjam : TAN AI SHEAH - 771107075906
93 LEBUH CINTRA
10100 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : TAN KUAN CHOONG - 810516075455
NO. 93 CINTRA STREET,
10100 PULAU PINANG
Penjamin 2 : OH ENG KOOI - 490606075459
NO. 6 JALAN PANTAI JERJAK 4,
11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11110
Peminjam : LIM ZHI CHAI - 840809075499
18-11-3A SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG
10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : KENG GEOK HOON - 610330085632
NO.21-F-P GAT LEBUH CHULIA
10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : CLAUDIUS MA YIN YIU - 841006075801
2-G-1 HAJI AHMAD ROAD
11600 BUKIT DUMBAR, PULAU PINANG

No Akaun : 11130
Peminjam : SITI NUR SOLEHA BINTI SAFIAN - 880724075162
34 TINGKAT PASIR BELANDA 7,
TELUK KUMBAR 11900 BAYAN LEPAS,
PULAU PINANG
Penjamin 1 : SITI NUR KHADIJAH BINTI SAFIAN - 790527075172
34 TINGKAT PASIR BELANDA 7,
11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SAFIAN BIN MOHAMED HANIF - 531204086161
34 TINGKAT PASIR BELANDA 7,
11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG

No Akaun : 11136
Peminjam : MOHD ILIYAS BIN IBRAHIM - 850325075061
9 TINGKAT PERWIRA 1, TAMAN WIRA,
TELOK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : AMNAH BINTI SAAD - 600812025174
F 461 KAMPUNG BERAPIT, TIKAM BATU,
SUNGAI PETANI 08600 KEDAH
Penjamin 2 : ZAINAB BINTI SAAD - 680331025002
F 461 KAMPUNG BERAPIT,
TIKAM BATU, SUNGAI PETANI 08600 KEDAH

No Akaun : 10765
Peminjam : MUHAMMAD LOKMAN HAKIM BIN MUHAMMAD HAMBALI - 870517385329
LOT 5076 JALAN DATO ANUAR MUSA 2, KAMPUNG PINANG SEBERANG
34600 KAMUNTING, PERAK
Penjamin 1 : MUHAMMAD HAMBALI BIN OSMAN - RF108184
LOT 5076 JALAN DATO ANUAR MUSA 2, KAMPUNG PINANG SEBERANG
34600 KAMUNTING, PERAK
Penjamin 2 : ZAMRI BIN ZAKARIA - T1077109
445 JALAN LEMBAH PERMAI 1/3, TAMAN LEMBAH PERMAI 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 11163
Peminjam : RABIAHTUL BAZARIAH BINTI MOHD MAKTHUM - 841021075084
1695 SERINA BAY , HILIR SUNGAI PINANG
11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ROSLI BIN ABDUL MANAF - 790703075287
BLOK B TINGKAT 1-8 , RIFLE RANGE FLATS 11400 PULAU PINANG
Penjamin 2 : PATIMAH BINTI SINTHA MADAR - 671025075752
24 KOTA GIAM, JELUTONG TIMUR
11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG

# Aviatron nilai pelaburan tinggi, buka 300 peluang kerja mahir

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**




**JURUTERA Aviatron meneliti komponen aksesori kapal terbang yang bakal dihasilkan.**

**BATU KAWAN -** Anak syarikat *Singapore Aerospace Manufacturing Pt. Limited* (SAM) yang merupakan syarikat pembuatan aksesori kapal terbang Singapura, Aviatron Sdn. Bhd. (Aviatron) membuka industrinya di Taman Perindustrian Batu Kawan, Seberang Perai Tengah (SPT) di sini baru-baru ini.

Berucap pada majlis itu, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, industri bernilai RM500 juta itu membuka 300 lagi peluang pekerjaan mahir serta akan melimpah pengalaman teknologi berprestasi tinggi di negeri ini.

"Industri pembuatan kapal terbang akan menjadi satu lagi enjin pembangunan bagi Pulau Pinang dan dengan kehadiran SAM di sini, saya yakin industri pembuatan kapal terbang yang lain turut akan melabur di Pulau Pinang," ujarnya di sini baru-baru ini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed merasmikan majlis pembukaan industri aksesori tersebut.

Hadir sama, Ketua Pengarah Eksekutif Lembaga Pelaksana Koridor Utara (NCIA), Datuk Redza Rafiq, Philip Yeow (Pengerusi SAM), Loh Chuk Yam (Pengarah SAM) dan Loo Lee Lian (Pengurus Besar *investPenang*, iP).

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berharap kehadiran Aviatron akan mereputasi lagi bakat tenaga mahir di negeri ini melalui kolaborasi dengan institusi berwajib sedia ada, iaitu Institut Teknikal Japan-Malaysia (JMTI) dan Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC).

Dalam pada itu, Mustapa berkata, beliau pada empat tahun lepas pergi ke Singapura untuk mempelawa SAM melabur di negara ini.

"Saya sangat bangga apabila melihat Aviatron beroperasi sangat baik di sini (Pulau Pinang) sejak dimajukan tiga tahun lepas...saya mahu melihat industri ini terus berkembang di Pulau Pinang.

"Untuk meningkatkan pendapatan, perlu menukarkan kreativiti, perlu meningkatkan persaingan dan perlu meningkatkan bakat kemajuan para pekerja kita dulu," ujar beliau semasa merasmikan majlis pembukaan industri tersebut.

Justeru, Mustapa berkata, kementeriannya melalui Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) akan terus memberi sokongan ke arah mengembangkan industri pelaburan berprestasi tinggi negara, termasuk di Pulau Pinang.



**KETUA Menteri memerhatikan gerak kerja dua jurutera pada Majlis Perasmian Aviatron di sini baru-baru ini.**

Dalam perkembangan sama, beliau memberitahu bahawa pelaburan langsung asing (FDI) negara pada tahun lepas adalah sebanyak RM38,774 juta.

Angka itu menunjukkan FDI negara meningkat 24 peratus berbanding RM31,116 juta yang direkodkan pada tahun 2012.

Manakala, FDI Pulau Pinang pula direkodkan paling tinggi dalam tempoh antara tahun 2010 hingga bulan Ogos tahun lepas, berbanding negeri-negeri lain, iaitu sebanyak RM19.7 bilion.

Jumlah itu hampir menyamai 20 peratus daripada keseluruhan FDI negara dalam tempoh serupa.

Pembukaan industri Aviatron di Pulau Pinang sekaligus direkodkan sebagai pertama kali industri pembuatan aksesori kapal terbang serupa di negara ini.

Aksesori dihasilkan Aviatron sekarang termasuk yang diguna pakai dalam pembuatan kapal terbang terkenal dunia, iaitu jenis *Boeing 787, Airbus 350, Bombardier C-Series* dan *Mitsubishi Regional Jet*.

Jumlah pelaburan Aviatron untuk fasa pertama dalam tempoh tiga tahun ini bernilai RM200 juta.

Pelaburan Aviatron untuk fasa kedua dan ketiga dalam tempoh tiga tahun berikutnya pula masing-masing berjumlah RM200 juta dan RM100 juta.

Guan Eng berkata, pembangunan fasiliti Aviatron di kawasan pulau dan Seberang Perai, di sini akan melonjak pelaburan terbaru kira-kira RM500 juta dalam mengembangkan prospek industri pembuatan aksesori kapal terbang di negeri ini nanti.

# *IKEA* jangka siap tempoh 5 tahun

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**



**KETUA Menteri berjabat tangan dengan Mikael Winqvist sambil ditemani barisan kepimpinan negeri dan ahli-ahli delegasi lain di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Projek bernilai RM484 juta di atas tapak berkeluasan 99.15 hektar di Batu Kawan, Seberang Perai Tengah (SPT) yang bakal menempatkan syarikat perabot terkemuka Sweden, *IKEA* dijangka siap dalam tempoh lima tahun.

Projek mega melibatkan gabungan dua syarikat terkemuka Ikano Sdn. Bhd. (Ikano - syarikat francais bagi *IKEA* di Malaysia, Singapura dan Thailand) bersama syarikat tempatan Aspen Vision Land Sdn. Bhd. (Aspen) bakal dibangunkan sebagai sebuah pusat sehenti komersial dan bercampur-campur merangkumi sebuah pusat beli-belah, kawasan perumahan, kawasan perindustrian dan perkhidmatan serta hab logistik.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Aspen, M. Murly pada lawatan sesi lawatan rasmi beliau terhadap Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Turut serta, Pengurus Projek (Pelaburan), Mikael Winqvist; Pengurus Reka Bentuk (Serantau), Tim Denoon; Penolong Pengurus Pembangunan, Edward Ng; Pengurus Besar Aspen, Ir. Woo Kok Weng; Pengerusi Aspen, Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Ariff; Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar; Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait dan Yang diPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Shariff.

Tambah Murly, Batu Kawan dipilih bagi membangunkan cawangan *IKEA* ekoran lokasi tersebut amat strategik dan sedang rancak membangun sebagai sebuah pusat sehenti yang mesra pengguna dan mesra alam.

Dalam pada itu, Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri amat berbesar hati apabila *IKEA* memutuskan untuk membuka cawangan baharu mereka di Pulau Pinang.

"Hal ini menunjukkan keyakinan mereka terhadap aspirasi Pulau Pinang ke arah sebuah bandaraya antarabangsa dan pintar," ujarnya.

Mengulas lanjut, Guan Eng menegaskan bahawa Kerajaan Negeri enggan meluluskan projek pembangunan kasino di Pulau Pinang sungguhpun ia dilihat mampu menggandakan pendapatan negeri.

"Walaupun ia mampu memberi impak positif terhadap ekonomi negeri, tetapi nilai sosial dan kerohanian lebih mahal daripada itu terutama dalam kehidupan masyarakat yang berbilang kaum serta agama di sini," jelas beliau.

# Laluan basikal baru janji panorama pantai

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**



MOHD. Rashid Hasnon dan Abdul Malik Abul Kassim berbasikal sepanjang laluan baru sebagai gimik Majlis Penyerahan Laluan Basikal Khas di Persisiran Pantai Queensbay oleh *Asia Green Group* kepada MPPP baru-baru ini di sini.

**BAYAN BARU -** Laluan basikal yang dinaiktaraf sepanjang 660 meter di persisiran pantai Queensbay di sini bakal menjadi lokasi riadah dan aktiviti berbasikal baru buat para pengunjung serta pencinta aktiviti sukan berkenaan di negeri ini.

Nada tersebut disuarakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak yang juga Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon pada Majlis Penyerahan Laluan Basikal Khas Persisiran Pantai yang telah siap sepenuhnya hasil sumbangan pemaju, *Asia Green Group* menerusi projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihaknya di sini baru-baru ini.

Mohd. Rashid berkata, laluan basikal berhampiran kawasan pantai tersebut adalah amat bersesuaian dan bertepatan dengan gaya hidup sihat yang dilaung-laungkan Kerajaan Negeri sekian lamanya.

"Kawasan persisir pantai ini amat sesuai dijadikan laluan basikal dan tempat riadah penduduk setempat mahupun pelancong kerana ianya berdekatan dengan kawasan pantai.

"Malahan, lebih unik dan istimewanya adalah apabila ianya terletak di tengah-tengah antara dua jambatan yang menjadi ikon negeri Pulau Pinang iaitu Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Kedua," ujarnya pada Majlis Penyerahan Laluan Basikal Khas di Persisiran Pantai Queensbay oleh *Asia Green Group* kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini di sini.

Turut hadir, Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail, Pengurus Besar *Asia Green Group*, Tan Boon Huat, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Ahli-ahli Majlis MPPP.

Dalam pada itu, Patahiyah berkata, projek sumbangan CSR tersebut merupakan sebahagian daripada projek utama laluan basikal yang telah dirancang di dalam Pelan Utama Kerajaan Negeri menghubungkan persisiran pantai Queensbay hingga ke kawasan bandar George Town.

"Ini merupakan sebahagian daripada projek yang telah dirancang.

"Pihak MPPP telah memperuntukkan sejumlah RM913,588 keseluruhannya bagi menaiktaraf sepanjang 12.72 kilometer laluan berbasikal di negeri ini," jelas beliau.




## 4 lagi taman kejiranan tahun ini – Patahiyah

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



SUASANA di Taman Poket Jesselton.

**KEBUN BUNGA-** Sebanyak empat lagi taman kejiranan bakal diwujudkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri dalam taman.

Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail berkata, antaranya adalah Taman Kejiranan Batu Maung Lapan, Taman Kejiranan Bukit Gedung, Taman Kejiranan Permatang damar Laut dan Taman Teluk Kumbar di sini.

"Projek yang bakal dilaksanakan dalam tempoh masa terdekat tersebut adalah susulan daripada lima projek sebelum ini yang telah siap dijalankan.

"Ini termasuk Taman Kejiranan di Jalan Maccalum, Taman Beriksa, Taman Bukit Kecil, Taman Lebuh Nipah dan Taman Pekaka yang bertujuan memberi ruang kepada masyarakat menjalankan aktiviti riadah," katanya pada Majlis Perasmian Taman Poket Jesselton di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis MPPP, Sabri Osman dan Pengarah Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa MPPP, Mohamed Akbar Mustapha.

Turut diadakan pada majlis tersebut adalah senaman aerobik, penanaman pokok serta aktiviti gotong-royong oleh Persatuan Penduduk Lengkok Jesselton.

Menurut Patahiyah, Taman Poket Jesselton merupakan taman seumpama ke-tujuh berjaya disiapkan MPPP selepas Taman Poket Irrawadi, Taman Manggis, Jalan Penang, Balik Pulau, Freindship Park dan Taman Medan Nipah di sini. Menurut Taman Poket Jesselton merupakan taman seumpama ke-tujuh berjaya disiapkan MPPP selepas Taman Poket Irrawadi, Taman Manggis, Jalan Penang, Balik Pulau, Friendship Park dan Taman Medan Nipah di sini.

"Taman poket (bersaiz lebih kecil dari taman kejiranan) berkeluasan 4,025.3 meter persegi ini menelan belanja sebanyak RM137, 305.60 dan mengambil tempoh masa dua bulan untuk disiapkan," jelasnya.

Pada majlis tersebut, komuniti di Lengkok Jesselton turut memilih sepohon pokok *Gardinia Carinata* ataupun cempaka hutan untuk ditanam di kawasan tersebut sebagai pokok tema.

Malah, keunikan taman poket terbabit adalah sepohon pokok Segalat atau dikenali, *Malayisan Apple* dengan nama saintifiknya, *Diospyros Blancoi* (spesis terancam) turut ditanam di sini.



PENDUDUK bertungkus-lumus membersihkan sekitar kawasan Taman Poket Jesselton pada majlis perasmiannya di sini baru-baru ini.

# Rashid, Afif lincah futsal persahabatan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



AKSI Dr. Afif Bahardin.



▲ MOHD. Rashid Hasnon (berdiri, tujuh dari kanan) bersama Dr. Afif Bahardin (berdiri, lima dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama pemain-pemain perlawanan persahabatan futsal di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA –** Aksi lincah Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon pada perlawanan futsal persahabatan pejabat beliau dengan pejabat Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan mendapat sorakan gemuruh para penonton yang hadir.

Tidak kurang hebat adalah Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin yang turut berjaya menjaringkan beberapa gol kemenangan.

Mohd. Rashid berkata, anjuran tersebut umumnya bertujuan mengeratkan silaturahim antara kakitangan-kakitangan yang bertugas di kedua-dua pejabat berkenaan.

"Pada masa sama, kita juga dapat meningkatkan tahap kesihatan apabila melibatkan diri dalam bidang sukan selain mengeratkan hubungan persaudaraan antara kita semua," jelasnya ketika ditemui Buletin Mutiara pada perlawanan tersebut di sini baru-baru ini.

Bagi Afif, beliau melihat perlawanan persahabatan tersebut sebagai inisiatif positif yang wajar dipraktikkan oleh semua jabatan Kerajaan Negeri mahupun Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Justeru, saya mengajak pejabat-pejabat lain, kalau berani, mari kita perbanyakan lagi perlawanan persahabatan seperti ini bagi menambah kenalan di samping menyihatkan tubuh badan," nyatanya penuh semangat.

Memandangkan perlawanan tersebut atas dasar 'suka-suka', jumlah jaringan tidak dikira, namun kedua-dua pasukan jelas bermain dengan penuh semangat di samping berbalas-balas gol hingga tamat tempoh permainan selama dua jam.



◄ KELINCAHAN Mohd. Rashid Hasnon (kanan) menggamit perhatian.


**BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG.**

**SENARAI UNIT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL**

| BIL | NAMA PEMAJU | LOKASI | NAMA PROJEK | JENIS PEMAJUAN | HARGA SEUNIT | HARGA SELEPAS POTONGAN 5% | BAKI UNIT KUOTA BUMIPUTERA | PEGAWAI PERHUBUNGAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **Sunrise Manner Sdn. Bhd.**<br>Lot 1146, Jalan Seladang, Alma<br>14000 Bukit Mertajam<br>No. Tel : 04 5388388<br>No. Fax : 04 5513888 | Di Atas Lot 1138 dan 1146,<br>Mukim 15, Seberang Perai Tengah<br>Pulau Pinang | HillPark Residensi | Teres 2 Tingkat | RM528,000.00 | RM501,600.00 | 9 | Lionel Lee Kian Aik |
| 2. | **E.W & Associates Sdn. Bhd.**<br>G-01, Lorong Delima 1<br>Taman Seri Delima, Juru<br>14000 Bukit Mertajam<br>No. Tel : 04 5073455 | Di Atas Lot 604, 605 dan 606,<br>Mukim 13, Seberang Perai Tengah<br>Pulau Pinang. | Taman Seri Delima (Fasa 4) | Kedai Pejabat<br>3 Tingkat | RM816,000.00 –<br>RM1,268,000.00 | RM775,200.00 –<br>RM1,204,600.00 | 5 | Siti Murni Binti Ishak |
| 3. | **Northern Skyline Sdn. Bhd.**<br>Suite 12.1, 12th Floor,<br>Menara Penang Garden<br>42 Jalan Sultan Ahmad Shah<br>10050 Pulau Pinang<br>No. Tel : 04 2266734 / 2266848<br>No. Fax : 04 2280298 | Di Atas Lot 265 Seksyen 9W,<br>Bandar Georgetown<br>Lintang Sungai Pinang<br>Daerah Timur Laut,<br>Pulau Pinang. | Skyline City | Kedai Pejabat<br>3 Tingkat<br><br>Rumah Berkembar<br>3 Tingkat | RM1,750,000.00<br><br>RM1,742,000.00 –<br>RM1,799,000.00 | RM1,662,500.00<br><br>RM1,654,900.00 –<br>RM1,709,050.00 | 4<br><br>3 | Teoh Kean Liang |
| 4. | **GSV Development Sdn. Bhd.**<br>70 - 1 - 4 D'Piazza Mall, Jalan Mahsuri<br>Bayan Baru<br>11900 Pulau Pinang<br>No. Tel : 04 6401333<br>No. Fax : 04 6401330 | Di Atas Geran 120871,<br>Lot 1082, Mukim 10<br>Jalan Paya Terubung<br>Daerah Barat Daya<br>Pulau Pinang | The Golden Triangle | Kedai<br><br>Pangsapuri Kos Sederhana | RM298,400.00 –<br>RM829,760.00<br><br>RM277,200.00 –<br>RM725,760.00 | RM283,480.00 –<br>RM788,272.00<br><br>RM263,340.00 –<br>RM689,472.00 | 21<br><br>64 | - |
| 5. | **Wahgiap Development Sdn. Bhd.**<br>No. 301 - B, Jalan Perak<br>2nd Floor, Wisma Wahgiap<br>10150 Pulau Pinang<br>No. Tel : 04 2805808 / 2814862<br>No. Fax : 04 2811412 | Di Atas Lot 1800<br>(Lot Baru 2331 - 2340)<br>Mukim 9, Jalan Teluk Kumbar<br>Daerah Barat Daya<br>Pulau Pinang | Sri Matahari | Rumah Berkembar<br>2 Tingkat | RM800,000.00 –<br>RM950,000.00 | RM760,000.00 –<br>RM902,500.00 | 3 | Ooi En Bee |
| 6. | **Seni Wangsa Sdn. Bhd.**<br>4272 (1st Floor)<br>Jalan Kampung Benggali<br>12200 Butterworth<br>No. Tel : 04 5384898<br>No. Fax : 04 5385848 | Di Atas Lot 419, Seksyen 2,<br>Jalan Berapit, Bukit Mertajam,<br>Seberang Perai Tengah,<br>Pulau Pinang | Taman Serumpun | Kedai 2 Tingkat<br>Kedai 3 Tingkat<br>Kedai 2 Tingkat | RM528,000.00<br>RM728,000.00<br>RM388,000.00 | RM501,600.00<br>RM691,600.00<br>RM368,600.00 | 2<br>1<br>2 | Ng Thar Haw |
| 7. | **Ganjaran Wawasan Sdn. Bhd.**<br>Plot 159, Jalan Perindustrian<br>Bukit Minyak 7, Bukit Minyak Industrian Park<br>14000 Bukit Mertajam<br>No. Tel : 04 5075808<br>No. Fax : 04 5022817 | Di Atas Lot 800, Seksyen 3,<br>Jalan Barnett, Jalan Vermont<br>Dan Jalan Adams,<br>Daerah Timur Laut,<br>Pulau Pinang | Vermont Villa | Rumah Sesebuah<br>3 Tingkat Jenis A<br><br>Rumah Sesebuah<br>3 Tingkat Jenis D | RM6,000,000.00<br><br>RM3,988,000.00 –<br>RM4,200,000.00 | RM5,700,000.00<br><br>RM3,788,600.00 –<br>RM3,990,000.00 | 1<br><br>3 | Ms Lim Sook Yen |

# Persaingan matangkan dua beradik perniagaan bakeri *online*



SITI Aishah Ahmad bersama anaknya.

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar : **IDZHAM AHMAD**

**PERSAINGAN** dalam pasaran pembuatan kek secara *online* adalah amat sengit.

Namun, cabaran itu banyak mematangkan dua beradik yang kini mengusahakan perniagaan tersebut secara aktif sejak dua tahun lalu.

Menurut Siti Sarah Ahmad, 24, faktor persaingan yang wujud memaksa beliau serta kakaknya, Siti Aishah, 29, untuk menjadi lebih kreatif.

"Apa yang kami lakukan adalah mengadakan jualan atau tempahan terbuka secara bulanan untuk menarik pelanggan.

"Contohnya, harga istimewa jualan atau tempahan untuk *cream puff* dan produk-produk bakeri yang lain," kata Siti Sarah yang ketika itu sedang sibuk menghias kek coklat lembap *(moist)* mini ditempah pelanggan.



CHOCOLATE moist cup cake yang ditempah sebagai doorgift majlis perkahwinan.



Mengulas lanjut mengenai pembabitan mereka di dalam perniagaan berkenaan, kedua-dua beradik tersebut tidak menafikan bahawa minat terhadap bakeri adalah hasil pendedahan kerjaya sebelum ini.

"Saya bekerja di kedai bakeri di Taman Mutiara, Sri Rambai selama empat tahun bermula tahun 2001.

"Ketika itu, minat timbul untuk buat kek," nyata Siti Aishah ringkas kepada Buletin Mutiara yang mengadakan kunjungan ke kediamannya di Taman Makok, Padang Lalang, Seberang Perai Tengah (SPT) baru-baru ini.

Selepas menamatkan perkhidmatan beliau di premis bakeri tersebut, Siti Aishah mula berjinak-jinak dalam bidang perniagaan bakeri dengan penghasilan kek mini cawan *(mini cup cake)*.

"Sebanyak 12 biji kek dibungkus dalam satu pek dan dijual dengan harga RM2.

"Pasaran jualan saya adalah di kedai bakeri tempat saya bekerja sebelum ini.

"Walaupun terasa kecewa apabila kek tidak habis dijual, saya tidak putus asa. Tambahan pula, pemilik kedai yang juga bekas majikan saya kerap memberi sokongan untuk terus membekalkan beliau kek-kek ini bagi jualan di premisnya," jelas Siti Aishah.

Ketika ditanya mengenai keunikan produk bakeri dihasilkan, Siti Aishah menyatakan bahawa beliau hanya menghasilkan (membuat) kek ditempah dua hari sebelum tarikh penghantaran.

"Sekiranya dibuat awal, rasa kek terutamanya kek span akan menjadi kering dan berubah bentuk.

"Ciri ini merupakan antara faktor menjamin kek dihasilkan kami adalah *fresh,*" tegasnya.

Mengulas mengenai hiasan kek, Siti Sarah menyatakan bahawa idea merekabentuk adalah 'datang' dengan sendiri.

"Sekiranya terdapat tempahan, saya akan tanya pelanggan jenis-jenis hiasan wajib yang diperuntukan termasuk bahan-bahan seperti buah yang perlu digunakan.

"Bagi hiasan rumit, ia mampu mengambil masa hingga dua setengah jam, manakala bagi yang ringkas, kira-kira 45 minit," kata beliau sambil melemparkan senyuman.

Secara purata, dalam tempoh seminggu iaitu ketika bukan musim perayaan, tempahan mampu mencecah dua biji kek.

"Produk kek paling laris adalah kek coklat lembap *(chocolate moist cake)* yang dijual pada harga RM55 untuk satu setengah kilogram," ujar Siti Aishah.

Menyentuh mengenai perancangan masa depan, Siti Aishah yang kini dikurniakan dua cahaya mata masing-masing berusia empat dan satu tahun berhasrat untuk memiliki premis bakerinya sendiri.

Walaupun masih jauh perjalanan, beliau dan adik bongsunya tidak pernah patah semangat mengharungi cabaran dalam bidang berkenaan.

**INFO :**
**FB : warisanniaga**
**Tel. : 012 – 580 0376**
**Alamat : 1201, Padang Lalang, SPT.**



CHOCOLATE moist cake yang menjadi permintaan ramai.



# Koperasi sedia mikro kredit banteras *along* – Nasorudin

**BELIAU** sendiri mendakwa Ropewalk Bagan hampir sedekad lalu dikenali sebagai sarang pinjam-meminjam tanpa lesen atau *along*.

"Kalau pinjaman RM500 dengan tempoh bayaran 40 hari, penjaja di sini menerima tunai RM460 sahaja.

"Peminjam diminta membayar RM18 sehari dengan kadar faedah RM6.25 pada setiap kali pembayaran dibuat.

"Jika gagal membuat pembayaran, didenda RM10 sehari, selain, menerima ugutan daripada *along*," kataNya.

Menyedari hakikat ini, beliau mengambil keputusan untuk mengubah gaya perniagaan para penjaja di sini, berbekalkan pengalaman sebagai pegawai audit di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Dalam wawancara bersama-sama wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB,** Nasorudin Shah Mat, 44, berkongsi pengalaman memartabatkan kaum penjaja di pusat komersial tersebut.

"Kita dapat tahu apabila mereka datang fotostat kad pengenalan di pejabat untuk buat pinjaman RM500 daripada *along*.

"Semasa itu, saya masih bekerja Kerajaan dan menjaja di sini sebagai kerja sampingan," ujarnya di sini baru-baru ini.

Nasorudin bermastautin di Bukit Tengah lebih 10 tahun, walaupun beliau anak jati Yan, Kedah.

Hampir semua koperasi yang wujud di Pulau Pinang, beliau pernah melakukan audit dalaman selama 14 tahun bergelar pegawai kerajaan di bawah Jabatan Koperasi Kebangsaan (kini dikenali sebagai Suruhanjaya Koperasi Malaysia, SKM).

Tak hairanlah, dengan pengalaman itu, beliau sendiri sejak tahun 2007 menguruskan Koperasi Pasar Aneka Taman Selat Butterworth Berhad (KPATSBB) dengan berkongsi cabaran bersama penjaja-penaja di Ropewalk Bagan.

Sistem pinjaman mikro kredit secara menyeluruh pula mula diperkenalkan pada tahun 2010.

Daripada lebih 200 anggota koperasi, kira-kira 90 membuat pinjaman mikro kredit ini.

"Saya sendiri berkongsi perasaan bahawa pinjam *along* ini akan mengongkong kehidupan penaja, apabila peniagaan penjaja terganggu seperti stok barang tiada, akhirnya Ropewalk Bagan ini sendiri akan tutup.

"Dari situ, timbul idea tubuh koperasi untuk dapat dana daripada TMP (Tabung Modal Pusingan) dengan pergi berbincang dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

"Atas hubungan baik kita dengan suruhanjaya, kita diminta sedia proposal supaya tadbir urus TMP ini boleh dilaksana secara cantik," jelasnya.

### Urus Mikro Kredit

Nasorudin berkata, KPATSBB mendapat geran RM50,000 sebagai pemulaan TMP.

Menurut beliau, semua anggota koperasi dibenarkan pinjam maksimum RM1,000 dan mesti dibayar dalam tempoh 10 bulan, dengan caj pengurusan RM10 sebulan.

"Kita dapati penjaja masih meminjam daripada *along* dengan 'bunga' (riba) yang tinggi berbanding daripada koperasi, antara sebabnya kerana mereka lebih suka pembayaran dibuat ikut hari (bukan bulanan).

"Apabila cukup bulan, penjaja ada masalah untuk membayar kepada kita. Saya terus menukar gaya pembayaran dari bulanan kepada harian serta-merta," katanya

Semasa itu, Nasorudin berkata, beliau berulang alik ke Kuala Lumpur untuk berbincang dengan penasihat syariah di kementerian.

"Mula, kita tetapkan RM1 caj pengurusan tiap-tiap hari. Selepas berbincang dengan penasihat syariah, ditetapkan 50 sen tiap-tiap hari untuk upah kerani yang tukang urus kutipan, urusan kira-kira dan kos pengurusan pejabat," katanya.

### Tanpa Riba

Nasorudin berkata, di Malaysia ada bank mengamalkan pinjaman yang mendekati sistem riba, dan sebaliknya.

Semasa dalam perjawatan, beliau mempunyai pengalaman melakukan audit dalaman bank koperasi sendiri, seperti Bank Persatuan.

"Riba, antara jenisnya ialah mengambil untung atas jumlah pinjaman.

Contoh, ambil untung dari 3 peratus atas pinjaman RM20,000



**NASORUDDIN Shah Mat menunjukkan kad rekod pinjam-meminjam mikro kredit KPATSBB semasa diwawancara di pejabatnya dekat Ropewalk Bagan di sini baru-baru ini.**

dengan 3 peratus atas pinjaman RM10,000 tidak sama jumlah kadar pembayaran baliknya walaupun kos pengurusan untuk kedua-dua pinjaman ini tetapi serupa.

"Walaupun ada pinjaman pendidikan tinggi mengatakan 1 hingga 3 peratus yang ditetapkan atas peratusan jumlah hutang ini sebagai qard al-hasan, saya menganggapnya untung atas pinjaman sebenarnya mendekati maksud riba," jelas Nasorudin.

Tambah beliau, KPATSBB menawarkan pinjaman mikro kredit tanpa riba.

"Kalau pinjam RM1,000 dalam tempoh 20 minggu umpamanya, mereka perlu bayar RM1,000 juga atau RM50 setiap minggu beserta upah kerani yang kutip hutang 50 sen setiap kali kutipan.

"Kalau hutang itu dibayar dalam tempoh empat minggu sahaja, ertinya upah kutip keseluruhannya RM2 kerana qard al-hasan di sini benar-benar ditentukan oleh kos pengurusan, bukan riba yang dikadarkan pada peratus dari jumlah pinjaman," jelasnya.

Tambah beliau, kaedah pembayaran oleh peminjam turut menitikberatkan aspek budi bicara, seperti sebab kesusahan yang menimpa, kemalangan, cuti berniaga, musim perayaan dan sebagainya.

### Cabaran

Nasorudin secara peribadi berkata, mengurus koperasi serta kebajikan penjaja di Ropewalk Bagan lebih mencabar, berbanding menjadi juru audit koperasi, dulu.

"Jadi pegawai mudah, audit dan arah. Jadi penggerak koperasi lebih rumit.

"Banyak kawan-kawan kata, saya seorang yang autokratik kerana ketegasan saya kepada penjaja-penjaja di sini.

"Dengan penjaja, khususnya yang tiada lesen, yang tak disiplin dalam bayar balik hutang mikro kredit, masalah sosial di sini yang tidak mendapat respons pihak berkuasa, saya perlu ambil suara yang tegas untuk jaga mutu pengurusan di Ropewalk Bagan ini," tegas beliau.

Beliau turut mengaku pernah 'diusik' oleh *along*, tetapi banyak pihak menyokong usahanya untuk memperbaiki kaum penjaja di sini.

"Mana tak ada usiknya, pinjaman mikro kredit kita tanpa riba dan jauh lebih baik, *along* boleh cari makan kalau boleh buat lebih baik daripada apa yang Islam ajar (pinjaman tanpa riba)," seloroh Nasorudin lagi.

### Baiki PTSR

Terlanjur berbicara mengenai pinjaman mikro kredit, Nasorudin turut diminta mengulas mengenai Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Umumnya, beliau menyambut baik inisiatif Kerajaan Negeri menaikkan kadar pinjaman mikro kredit sehingga RM8,000 untuk satu permohonan.

"Hasrat PTSR memang baik, tetapi, mutu pelanggannya perlu diperbaiki.

"Penjaja pilih pinjam daripada *along* kerana mereka sukar pinjam daripada bank, banyak sebab, antaranya tiada penyata kewangan atau tiada akaun bank.

"PTSR atau KPATSBB diwujudkan pun untuk menangani masalah *along*. Tapi, sekiranya projek pemohon sukar, lambat diproses, syarat yang regid, akhirnya penjaja-penjaja ini akan pergi bertemu *along* juga.

"Seperkara lagi, penjaja memohon pinjaman mikro kredit ini kerana untuk melancarkan perniagaan mereka agar mereka tidak dibelenggu hutang-hutang lain, kalau pinjaman lulus lewat, akhirnya duit mikro kredit ini akan digunakan dulu untuk bayar sewa beli kereta dan lain-lain disebabkan perniagaan mereka tidak mendatangkan pulangan mengikut jadual," tambah beliau.

Nasorudin berkata, beliau sedia bekerjasama dengan semua pihak, termasuk Kerajaan Negeri demi kebajikan penjaja kecil di negeri ini.

### Harapan

Nasorudin tersenyum.

"Saya selalu bercakap kepada anggota koperasi saya bahawa, tidak mustahil KPATSBB akan menjadi sebuah bank koperasi suatu hari nanti.

"Dahulu pun Bank Rakyat dan Bank Persatuan umpamanya pernah menempuhi pengalaman serupa dengan KPATSBB (menawarkan pinjaman mikro kredit secara kecil-kecilan).

"Kita (KPATSBB), in sha Allah sedang menuju ke arah itu (usaha menubuhkan bank koperasi) dengan pengalaman mula menguruskan mikro kredit yang kecil ini," ujarnya.

Seperkara lagi, Nasorudin berkata, KPATSBB berharap Kerajaan Negeri dapat menaik taraf kemudahan keselamatan, seperti pemasangan sistem kamera televisyen tertutup (CCTV) di Ropewalk Bagan.

"Alhamdulillah, isu CCTV ini saya sampaikan kepada Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon menyambut baik cadangan kita baru-baru ini.

"Semua kejayaan mula dengan pelaksanaan cita-cita. KPATSBB sedang melaksanakan cita-cita permulaannya, iaitu sedia sistem pinjaman mikro kredit untuk banteras *along*," ujar Nasorudin.

# MPPP kecam pelekat permit sepanduk palsu



ONG Ah Teong (tiga dari kanan) bersama-sama Ahli-ahli Majlis lain menunjukkan sepanduk yang telah diturunkan MPPP pada sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mengecam tindakan sesetengah pihak yang didapati memalsukan pelekat permit sepanduk dikeluarkan pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit di sini baru-baru ini.

Ahli Majlisnya, Ong Ah Teong berkata, beliau amat terkilan dan mengecam tindakan sesetengah pihak yang memandang enteng terhadap pemalsuan pelekat permit.

"Pemalsuan pelekat permit sepanduk ini adalah perkara yang serius dan Juruteknik Kanan MPPP telahpun membuat laporan polis pada 14 Februari lalu di Balai Polis Jalan Patani di sini.

"Syarikat yang ingin mengiklankan produk mereka perlu mendapatkan permit terlebih dahulu sebelum ianya boleh digantung dalam usaha memerangi iklan 'haram' di Pulau Pinang," katanya pada sidang media dekat sini baru-baru ini.

Pada 10 Februari lalu, Bahagian Pelesenan MPPP telah mengadakan operasi pemutihan di beberapa lokasi sekitar Pengkalan Weld, Jalan Jelutong, Jalan Tengah, Jalan Perak serta Jalan Balik Pulau dan mendapati bahawa sepanduk sebuah syarikat telekomunikasi tidak mematuhi syarat ditetapkan.

"Selain memasangnya terlalu rendah, pelekat permit sepanduk juga didapati meragukan.

"Setelah perbandingan dibuat, MPPP mendapati bahawa kebanyakan pelekat permit tersebut adalah palsu.

"Lanjutan itu, MPPP telah mengeluarkan kompaun bernilai RM83,750 (RM250 untuk setiap sepanduk yang menggunakan pelekat permit palsu) terhadap syarikat telekomunikasi berkenaan," tegasnya.

Jelas Ah Teong, sebelum itu, Bahagian Pelesenan MPPP menerima permohonan permit daripada syarikat telekomunikasi berkenaan pada 28 Januari lalu dengan jumlah permohonan sebanyak 15 unit sepanduk sahaja.

Walau bagaimanapun, hasil operasi pemutihan dan pemantauan mendapati mereka (syarikat berkenaan) telah menggantung 335 unit sepanduk dengan mencetak semula pelekat permit asal.

"Syarikat telekomunikasi dan orang tengah telahpun disenaraihitamkan MPPP," ujar beliau.




CONTOH pelekat permit sepanduk yang dipalsukan.

## SENARAI KOMPLEKS TIDAK AKTIF MPSP YANG BELUM DISEWA (SEHINGGA 10 DISEMBER 2013)

**SPU**

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Lorong Sungai Lokan 3/2 | **10** | **0** | **10** |
| 2 | Kompleks Lorong Sg. Lokan 5 | **20** | **0** | **20** |

**SPT**

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kompleks Taman Bidara | 22 | 0 | 22 |
| 2 | Kompleks Taman Jambu | 7 | 0 | 7 |
| 3 | Taman Teguh, Pmtg Tinggi | 15 | 0 | 15 |
| 4 | Jalan Usahajaya | 24 | 0 | 24 |
| 5 | Taman Permai Jaya | 12 | 0 | 12 |
| 6 | Jalan Pala 4, Pmtg. Tinggi | 24 | 16 | 8 |
| 7 | Taman Seri Arowana | 6 | 0 | 6 |

**SPS**

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Taman Nafiri, Sg. Bakap | 11 | 0 | 11 |
| 2 | Taman Serunai, Bkt. Panchor | 14 | 0 | 14 |
| 3 | Pasar Taman Jawi Jaya | 14 | 0 | 14 |
| 4 | Pasar Tambun Indah | 17 | 0 | 17 |

**Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh hadir ke Ibu pejabat MPSP Bandar Perda atau berhubung dengan Pegawai di Jabatan Pelesenan Mpsp di talian 04-5497678/685/843/844/675*

# Taman Graffiti projek bermakna MPPP

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**






**ANTARA lukisan yang dihasilkan pada Program Mengecat Tembok Graffiti Taman Perbandaran Oleh Pelajar HCC di sini baru-baru ini.**

**KEBUN BUNGAH** – Panel-panel dinding didirikan di Taman Graffiti hasil kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Kelab Rotary Tanjung Bungah di sini menjadi seperti sebuah kanvas buat anak-anak muda menunjukkan bakat reka corak masing-masing. .

Dinding didirikan khas pada tahun 2012 di kawasan seluas 750 kaki persegi membabitkan kos sebanyak RM150,000 adalah salah satu inisiatif bagi membasmi dan membendung kegiatan vandalisme masa kini.

Pengarah Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa MPPP, Mohamed Akbar Mustapha berkata, panel-panel dinding tersebut adalah salah satu pendedahan kepada pelajar untuk mempamerkan bakat masing-masing kepada orang ramai.

"Para pelajar bebas melakar karya dan bakat mereka.

"Setiap tiga bulan, dinding graffiti ini akan dicat putih semula.

"Sebelum itu, semua karya akan diambil gambar dan diserahkan kepada pelukis berkenaan sebelum disimpan sebagai rujukan masa depan," katanya pada Program Mengecat Tembok Graffiti Taman Perbandaran Oleh Pelajar Kolej Han Chiang (HCC) di sini baru-baru ini.

Taman Graffiti merupakan salah satu tarikan di Taman Perbandaran di sini.

Menurut Pengetua HCC, Dr. Wong Yoon Yah, Taman Graffiti adalah satu projek yang bermakna dilaksanakan MPPP.

"Semua mereka (pelajar HCC) gembira untuk menjadi sebahagian daripada projek ini," ujarnya.

# MPPP didik komuniti perangi denggi

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SUNGAI PINANG** – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) melancarkan fasa pertama perang terhadap pembiakan nyamuk aedes peringkat pulau dengan memberi penekanan pada kaedah kependidikan komuniti.

Pengerusi Gantian Jawatankuasa Tetap Penguatkuasaan dan Pendidikan Awam, Dr. Tan Kim Hooi berkata, sebanyak 5,000 makalah lengkap dengan sampel racun jentik-jentik akan diedar kepada komuniti di kawasan-kawasan sensitif denggi.

"Aspek pendidikan awam ditekankan. Jika tidak cukup 5,000 makalah ini, kita akan cetak lagi kerana kaedah kempen kesedaran akan dilaksanakan sepanjang tahun," ujarnya sebelum operasi pengasapan nyamuk dilancarkan di Blok 28 Taman Sri Pinang di sini baru-baru ini.

Ong Ah Tiong, Lim Boon Beng, A. Kumaresen, Ahmad Azrizal Tahir, Aidi Akbal Mohamed Zainon dan Nur Zarina Zakaria antara Ahli Majlis bagi MPPP yang hadir pada operasi tersebut.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Maqbul, Firdaus Shahul Hamid.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim pula berkata, kempen nilai seumpama itu memerlukan kesabaran dan semangat yang tinggi.

"Kaedah kempen nilai ini sebenarnya mampu mengubah perilaku komuniti supaya lebih agresif memerangi wabak pembunuh denggi, jika semua pihak yang terlibat tidak mudah putus asa dan bersabar," respon Siew Khim.

Melalui kaedah pendidikan awam, beliau berharap, tiada lagi rekod kematian akibat denggi direkodkan pada tahun ini di negeri ini.

Terdahulu, 41,226 kes denggi direkodkan di seluruh negeri dalam tempoh bulan Januari hingga Disember tahun lepas.

Dari jumlah itu, angka kematian direkodkan meningkat 151 peratus atau 88 kematian pada tahun 2013, berbanding 35 kes serupa pada tahun sebelumnya.




**DUA penduduk meratapi makalah yang diedarkan pada Majlis Pelancaran Fasa Pertama Kempen Didik Komuniti Perangi Aedes di sini baru-baru ini.**

Pulau Pinang merupakan antara negeri yang menyaksikan peningkatan kes denggi pada tahun 2013, berbanding tahun sebelumnya, iaitu sebanyak 31 peratus.

Tujuh kes kematian direkodkan pada tahun lepas dan satu kes serupa pada awal tahun ini.

# PR1MA - menteri janji beri maklum balas Jun ini



JAGDEEP Singh Deo (empat dari kanan) bersama-sama tetamu kehormat menyempurnakan acara *'yee sang'* pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina DUN Datuk Keramat di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**DATUK KERAMAT –** Pengerusi PR1MA yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis berjanji akan memberi maklum balas berhubung janji Kerajaan Pusat untuk membangunkan perumahan mampu milik PR1MA di Pulau Pinang Jun ini.

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo yang sebelum ini telah berjumpa dengan menteri berkenaan pada 8 Februari lalu.

"Saya telahpun berjumpa Datuk Sri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis pada 8 Februari lalu dan bertanyakan tentang janji Kerajaan Pusat untuk membangunkan perumahan mampu milik PR1MA di Pulau Pinang.

"Beliau berjanji akan memberi maklum balas menjelang bulan Jun ini termasuk maklumat berkaitan lokasi projek PR1MA dan jumlah unit yang akan dibangunkan," katanya pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Keramat di sini baru-baru ini.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon dan isteri, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang, Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer, ADUN Komtar, Teh Lai Heng serta Ahli-ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Majlis dihadiri pelbagai lapisan masyarakat tersebut turut meraikan golongan tidak bernasib baik yang dibawa khas pihak penganjur.

Jagdeep memberitahu, sehingga ke hari ini, tiga lokasi dikenalpasti untuk membangunkan projek perumahan PR1MA, namun menemui jalan buntu apabila timbul isu tanah.

"Saya percaya, Kerajaan Pusat akan membantu kita (Kerajaan Negeri) dalam membangunkan perumahan mampu milik di sini (Pulau Pinang)," ujarnya.

## Sukaneka galak penyatuan ukhuwah - Muhasdey



MUHASDEY Muhammad (depan, berkopiah) menyampaikan hadiah berupa sebuah basikal kepada salah seorang pemenang cilik yang menyertai acara sukaneka di Kampung Lahar Tiang baru-baru ini.

**PINANG TUNGGAL –** Kira-kira 500 penduduk setempat Kampung Lahar Tiang di sini hadir menggamatkan Sukaneka Rakyat dianjurkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Lahar Tiang baru-baru ini.

Menurut Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pinang Tunggal, Muhasdey Muhammad, acara sukan tesebut diadakan dalam usaha menggalakkan penyatuan ukhuwah dalam kalangan penduduk setempat.

"Sambil kita bersukan untuk kesihatan, kita juga bertemu untuk merapatkan ukhuwah.

"Alhamdulillah, saban tahun, kehadiran dan penerimaan penduduk semakin ramai," ujarnya pada program berkenaan di sini baru-baru ini.

Selain acara futsal, pertandingan mewarna, lari dalam guni dan lari sambil bawa bola pingpong dalam sudu, paling mencuri tumpuan adalah acara berbasikal lambat dan mengail botol.

"Ini adalah acara tradisional yang telah lama dimainkan oleh kanak-kanak di desa, dan hari ini, kita bangkitkan semula acara sukan itu supaya ia tidak lesap dek zaman," jelasnya.

Turut dianjurkan Jamuan Rakyat melibatkan semua ahli-ahli JKKK Lahar Tiang dan penduduk kampung.

## Pesta Ponggal turut rai pelajar cemerlang



ARSHAD Md. Salleh (tiga dari kanan) menyampaikan insentif kepada salah seorang pelajar cemerlang sempena sambutan perayaan Pesta Ponggal di sini baru-baru ini.

**PERMATANG BERANGAN –** Seramai 18 pelajar cemerlang diraikan dalam majlis yang diadakan serentak dengan sambutan Pesta Ponggal di sini baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Permatang Berangan, Arshad Md. Salleh berkata, daripada jumlah tersebut, 14 pelajar adalah cemerlang Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) (2) dan berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di universiti tempatan (2).

"Turut disampaikan adalah set lengkap pasukan bola sepak, jersi dan bola kepada 18 pemain di sini,'' katanya pada majlis berkenaan di sini.

Seramai 300 masyarakat berketurunan Hindu hadir di Dewan Mohamad Taib di sini.

Arshad memberitahu, sambutan Pesta Ponggal telah menjadi suatu acara rasmi tahunan di Tasek Gelugor di sini.

"Sememangnya sambutan Ponggal di sini sangat meriah dan penuh warna-warni dan tahun ini lebih bermakna apabila kita turut meraikan golongan belia yang bukan sahaja cemerlang dalam pelajaran tetapi juga aktiviti kesukanan," ujar beliau.

# Pantau aktiviti adun pasir bahaya kesihatan penduduk

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU UBAN** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan menyelar pihak pemaju yang dipercayai menggunakan kawasan di Kampung Sungai Dua di sini sebagai tempat mengadun pasir sebelum dibawa ke tapak projek.

Bertindak berdasarkan aduan orang awam, Jayabalan bersama beberapa anggota penguatkuasa Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menyerbu lokasi pengadunan pasir tersebut baru-baru ini.

"Malangnya, bila kita datang ke sini, semua seolah-olah tiada sebarang aktiviti dijalankan dan lihat kawasan dikenalpasti juga sungguh lengang.

"Saya kesal dengan perbuatan seperti ini, kerana ianya dilakukan di satu kawasan yang memang tidak bersesuaian langsung,'' tegasnya ketika ditemui pada operasi serbuan tersebut di sini baru-baru ini.

Menurut Jayabalan, aktiviti sebegitu pada cuaca kering akan mengundang masalah debu teruk dan boleh menjejaskan kesihatan penduduk yang mempunyai masalah lelah serta berkaitan paru-paru.

"Apabila cuaca hujan pula, ianya akan menyebabkan air bertakung di bahagian laluan tepi lalu mengundang pula masalah denggi, lumpur dan kekotoran," jelasnya.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa Kerajaan Negeri bukannya bersifat anti pembangunan, namun, aktiviti sebegini haruslah dijalankan di tempat sesuai dan bukannya berhampiran kawasan penempatan.

"Pemantauan tetap akan dijalankan dari semasa ke semasa sehingga aktiviti ini berjaya dihentikan demi kesejahteraan penduduk,'' ujar Jayabalan.



KENDERAAN-kenderaan berat yang berada di lokasi dikenalpasti ketika serbuan dijalankan di sini baru-baru ini.

## Lebar jalan urai kesesakan

**AIR ITAM –** Sepanjang 700 meter jalan di Lorong Batu Lanchang menghala ke persimpangan Jalan Masjid Negeri akan dilebarkan bagi mengurai kesesakan yang kerap kali berlaku di kawasan tersebut.



JALAN yang bakal dilebarkan bagi mengurai kesesakan lalulintas di sini.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai, pengimplementasian projek tersebut bakal memastikan kenderaan yang ingin belok ke kiri (menghala Persiaran Gurney) dan ke kanan (menghala Bayan Lepas) dapat menggunakan lorong khas masing-masing.

"Kita akan lebarkan jalan di bahagian kiri yang mana inisiatif itu bakal membolehkan kenderaan yang menghala ke Persiaran Gurney dapat terus belok tanpa perlu menunggu lampu isyarat bertukar hijau.

"Bagi memberi laluan kepada projek ini, Kerajaan Negeri telah menyumbang sebahagian tanah di kawasan kediaman rasmi Pegawai Daerah Timur Laut," katanya ketika lawatan ke tapak projek tersebut di sini baru-baru ini.

Hon Wai memberitahu, kawasan tersebut mempunyai kadar lalu lalang kenderaan tinggi pada waktu puncak iaitu sebanyak 2,300 unit kenderaan penumpang (ukp) sejam pada waktu puncak pagi dan waktu puncak sebelah petang (1,900 ukp).

"Projek yang menelan belanja RM3,530,762.50 dan dibiayai Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) ini dilihat perlu dilaksanakan ekoran terdapat lima sekolah yang saling berhampiran di sini.

"Selain sekolah, sebagaimana maklum, Air Itam merupakan kawasan yang paling padat di Pulau Pinang dan kebanyakan penduduk menggunakan lalulan ini untuk keluar ke tempat kerja yang terletak di Bayan Lepas," ujarnya.

Nyata beliau lanjut, jalan sedia ada berkelebaran 10.8 meter akan dilebarkan kepada 12 meter.

"Pada bahagian tertentu, jalan akan dilebarkan kepada 12.5 meter bagi menyediakan satu lorong khas untuk kenderaan yang ingin terus susur ke kiri," jelas Hon Wai.

Projek berkenaan dilaksanakan kontraktor, MK Bashah (PG) Sdn. Bhd. dan disasarkan siap pada 18 Julai ini.




### Info PPK



**Bilik Gerakan KADUN Bertam**
**(Pejabat Pegawai Penyelaras KADUN)**
**1320, Tingkat 2,**
**Taman Sepakat,**
**Jalan Butterworth,**
**13200 Kepala Batas,**
**Pulau Pinang.**

**No. telp:**
- **Asrol Sani Abdul Razak (PPK)** 013 - 580 6981
- **Fatimah Bakar (Pembantu)** 019 - 593 3736
- **Pejabat PPK** 04 - 575 4054

29th World Championship






# 29 WORLD SQUASH CHAMPIONSHIP

## Kejohanan Skuasy Wanita Dunia

## upacara PEMBUKAAN RASMI

**18 Mac 2014 di Arena SPICE**

| Dibawakan kepada anda oleh | Dianjurkan oleh | Tempat rasmi | Hotel rasmi |
| --- | --- | --- | --- |
| | NUSMETRO | SETIA SPICE | EASTIN HOTEL PENANG |

**simply the best**